

Samudera



EDISI 1/2021

#NavyPeople

**Mulanya
di Sini**

Majalah Rasmi Tentera Laut Diraja Malaysia





SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

**ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI
& MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA,
NEGARA BERTUAH INI**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS
SERTA IRINGAN DOA

**YOUR RELIABLE
STRATEGIC ALLIANCE** 

"SENTIASA BERSAMA KETIKA TENANG & SEMASA DIUJI"

**BUDI
AXIS**

BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)

SUITE B1-17, MECAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR

T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

KANDUNGAN



Tinjauan udara dari pesawat Super Lynx

FOTO: PWIKOM Shapri bin Delmat

- 6 Fokus**
Menongkah Arus dalam Mendeapani Cabaran
- 10 Rencana**
Shaping Malaysia as A Sea Power Nation
- 12 Siaga**
i. Kapal Selam TLDM Laksana Rutin Pasang Puliht Pertama di Malaysia
ii. Kejayaan Program Pasang Puliht Kapal TLDM
iii. Pusat Hidrografi Nasional: 5 Bintang untuk Kesiagaan!
iv. CSTEM EAST 1/20 Peringkat Kesiagaan Armada Timur
- 16 Tahukah Anda**
TLDM Memperkasakan Penggunaan Indigenous Product (Produk Tempatan)
- 18 Penulis Tamu**
Kertas Putih Pertahanan: Peranan Pengamal Industri dalam Pertahanan Negara
- 22 Teknologi**
i. Obsolescence Programme Skuadron Fast Attack Craft
ii. Engineering Working Group
- 24 Tred**
Skim Latihan Teknisyen TLDM
- 26 PSSTLDM**
Flying High Together
- 28 Snapshot**
Fajar Pagi di Tambatan Pangkalan TLDM Lumut
- 30 Wajah the Navy People**
- 32 BAKAT**
i. Mencorak Kepimpinan Masa Hadapan
ii. Pilot Study Pemeraksanaan Modal Insan TLDM
- 34 Ikon**
Dari Pelaut ke Dunia Korporat
- 36 Informasi**
Lautan dan Kelayaklayaran
- 38 Sejarah**
i. Pemilikan Laut China Selatan: Perspektif Sejarah dan Undang-Undang
ii. Hari Hidrografi Sedunia
- 41 Green Navy**
Lenyapnya Khazanah Maritim Manjung dengan Kepupusan Hutan Paya Bakau
- 42 Sihat**
Kesehatan Mental: Ambil Tahu, Ambil Peduli
- 44 Sukan**
i. Muhammad Fuad Buktikan Kemampuan
ii. Menembak Bawa Suryani ke Olimpik
- 48 Berita**
i. Memperkasakan Teknisyen TLDM
ii. Pecah Tradisi
iii. Penyerahan Bangunan KD SRI MEDINI kepada Kem 7 Briged Infantri
iv. TLDM Buka Ruang Pelajar UTM Jalani Latihan Industri
v. Menteri Hal Ehwal Agama Sampaikan Musaadah Covid-19
vi. PUSPEN Jelebu Menginsafkan
vii. UTM Serah Kembali Helikopter WASP
ix. Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut Selesai Naik Taraf
- 52 Santai**
Istilah Tentera Laut
- 54 Galley**
Laksa Betong Si Perantau



Seolah terlalu pantas. Walau tiadalah banyak kemajuan mahupun pencapaian terhasil, erti tiga tahun ini terlalu besar untuk diterjemahkan di sini. Yang pasti ia cukup kukuh untuk saya dan pasukan melakar pembaharuan serta merubah haluan yang perlu.

Kapal berlabuh tampak di kejauhan
Sauh dibongkar layar dilaras
Tiga musim Samudera kita naskhahkan
Kisah #NavyPeople cantik terhis.

Ibarat negeri berubah rasam
Ibarat tahun berubah musim
Mutu diutamakan amanah digenggam
Itulah adab perwira muallim.

Baik-baik belayar malam
Arus deras karangnya tajam
Cari-cari muallim yang faham
Di situ banyak kapal yang tenggelam.

Besar kapal besar gelombang
Lumrah pelaut belayar pergi
Jarak dan waktu tiada menghalang
Jauh di mata dekat di hati.

Kepada Editorial Samudera, terima kasih kerana tidak henti-henti belajar.
Teruslah kembang potensi diri agar warkah terpelihara kualiti.
Yang tersimpul kita rungkaikan, yang terhalang kita leraikan.

SEDIA BERKORBAN

Fadhil Abdul Rahman

Penasang/Penastah

Laksmdya Dato' Abdul Rahman bin Hj Ayob

Ketua Editor

Laksmda Fadhil bin Abdul Rahman

Editorial

Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM
Lt Kdr Mohd Abid bin Mohd Surid TLDM
Lt Kdr Norma Hanim binti Pundak Mahashim TLDM
PW ICOM Shapilin bin Dolmat
BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali
LK PNK Ridzuan bin Saleh

Reka Bentuk

Surianti binti Hasan

Alamat

Sidang Redaksi Majalah Samudera
Pusat Strategi Maritim dan Sejarah TLDM
(RMN Sea Power Centre)
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 KUALA LUMPUR

Tel: 019-7533012

Emel: majalahsamudera@tdm@navy.mil.my



Majalah Samudera diterbitkan empat kali setahun dan diedarkan secara percuma. Kami mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan Aspirasi Negara Maritim.

MOHON
SEKARANG



KADAR ISTIMEWA!

terendah

*
3.65%

bagi tiga (3) produk pembiayaan:

Pembiayaan Peribadi
Tanpa Penjamin
(KA)

Pembiayaan Ekspres 1
(QM)

Pembiayaan Ekspres 2
(NX)

+



Promo 60

Sempena Promosi Sambutan
Ulang Tahun KT ke-60

TOPI EDISI EKSKLUSIF
SAMBUTAN ULANGTAHUN KT KE-60



*Sementara stok masih ada

Untuk maklumat lanjut kunjungi cawangan KT atau
hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan KT 1-300-8000-58

1-300-8000-58



www.katmb.com.my



[facebook.com/Koperasi Tentera](https://facebook.com/KoperasiTentera)



kt-60.com

* Tidak termasuk caj Wang Jaminan Kafalah (0.85%)

Menongkah Arus dalam Mendepani Cabaran

2020 akan dikenang sebagai tahun yang penuh dengan cabaran disebabkan pandemik Covid-19 yang telah merubah kelaziman hidup manusia. Pelbagai bentuk program yang telah dirancang terpaksa ditangguh, batal atau diubah kaedah pelaksanaannya. Kita tiada pilihan dan perlu patuh kepada SOP serta mempraktikkan norma baharu. Ianya bagi mengimbangi kelangsungan hidup sehanian dan pelaksanaan tugas kita sebagai warga TLDM.

KD KERIS. Kapal LMS pertama dalam kelasnya.





Imbauan 2020

Tanggungjawab yang digalas oleh TLDM jauh melangkaui batas sempadan perairan negara. Kertas Putih Pertahanan negara yang pertama dan dilancarkan hujung 2019 telah menetapkan strategi dan hala tuju pertahanan negara untuk tempoh 10 tahun. Ia menggariskan panduan dalam membuat perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mencapai keupayaan pertahanan yang dihasratkan. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah "negara maritim dengan susur galur kebenuaan" dan "gerbang penjalin antara rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi" menimpakan kepada TLDM tanggungjawab besar sekaligus memerlukan keupayaan yang berkadar langsung.

Tahun 2020 menyaksikan TLDM terus memberi fokus ke atas aspek kesiagaan armadanya. Walaupun tidak lagi boleh berbangga dengan kelengkapan serta persenjataan yang terancang dan terkini, namun keupayaan yang sedia ada masih lagi ampuh serta mampu untuk dimanfaatkan sebaiknya. Justeru usaha dan langkah inovatif terus diambil bagi menentukan kesiagaan Armada TLDM sentiasa di tahap yang tinggi, selaras dengan kemampuan semasa.

Inisiatif serta program yang telah dilaksanakan akan diteruskan secara berperingkat sehingga tahun 2024. Antaranya program menangani keusangan atau *Obsolescence Program* (OP) untuk KD PERDANA, KD GANYANG, Skuadron Korvet Ke-24 dan Skuadron MCMV Ke-26, pemasangan *Indigenous Combat Management System* (ICMS) untuk kapal Skuadron FAC, dan program *repowering* 6 buah kapal serta 5 bot tempur.

Op BENTENG

TLDM diamanahkan untuk mengetuai komponen maritim dalam Op BENTENG di bawah kendalian *National Task Force* yang ditubuhkan kerajaan khusus untuk memperketatkan kawalan di sempadan perairan negara. Sebanyak 19 agensi keselamatan dan



penguatkuasaan terlibat bagi mengekang pergerakan PATI yang berpotensi menularkan virus Covid-19. Sebagai rekod, sebanyak 171 siri Op BENTENG LAUT telah dilaksanakan dengan jumlah 1,836 hari pengoperasian di laut bagi kesemua aset-aset yang terlibat. Ini antara bukti bahawa Armada TLDM mampu untuk beroperasi dalam tempoh yang panjang.

Aset dan Infrastruktur

Bagi memastikan kesinambungan kesiagaan Armada TLDM dan menyokong keperluan operasi, pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan. Antaranya perolehan empat buah kapal *Littoral Mission Ship* (LMS) yang dibina di Wuhan, China. LMS pertama iaitu KD KERIS telah tiba di Malaysia pada 17 Januari 2020 dan ditempatkan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah. LMS kedua, SUNDANG, telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada TLDM. Manakala baki dua lagi LMS masih di peringkat pembinaan dan dijangka memasuki inventori TLDM secara berperingkat pada Ogos dan November tahun ini.

Sebanyak 6 daripada 12 buah pesawat *Unmanned Aerial Systems* (UAS) ScanEagle telah pun diterima. Baki 6 buah UAS lagi dijangka akan diterima pada pertengahan tahun ini.

Kontrak perolehan 3 buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) telah dimeterai pada September 2020. Dijangkakan helikopter pertama akan tiba pada Oktober 2022, diikuti dengan helikopter kedua dan ketiga pada Mei 2023 dan Februari 2024. Tahun 2020 turut menyaksikan kejayaan TLDM mencipta sejarah tersendiri dengan melaksanakan rutin pasang puali sepenuhnya di Malaysia bagi kedua-dua kapal selam Scorpene. Menutup tirai 2020, TLDM berjaya memperoleh tambahan 11 buah *Rigid Hull Inflatable Boat* (RHIB), sebuah *Multipurpose Boat* dan 6 buah *Fast Combat Boat* (FCB) untuk kegunaan Op BENTENG.

Dari aspek pembangunan infrastruktur, beberapa projek pembangunan telah berjaya disiapkan dan mula dioperasikan sepanjang tahun lalu. Antaranya adalah Markas Pasukan Simpanan TLDM di Sungai Lunchoo telah mula beroperasi sejak Mac 2020, manakala Pusat Latihan PASKAL yang diterima pada penghujung 2019 telah dimanfaatkan sepenuhnya

untuk melatih anggota pasukan khas itu. Selain dari itu, projek menaik taraf Masjid An-Nur di Pangkalan TLDM Lumut telah disempurnakan sepenuhnya pada Julai 2020 di mana kapasitinya kini meningkat kepada 3500 jemaah.

#NavyPeople

Seramai 375 pegawai dan 2,896 anggota TLDM telah dinaikkan pangkat sepanjang 2020. Lebih membanggakan, sejarah telah tercipta apabila untuk julung kalinya seorang wanita menyertai Jawatankuasa Laksamana TLDM. Pelantikan Laksamana Pertama Rohana binti Jupri membuktikan bahawa kaum wanita sentiasa berpeluang untuk maju sehingga ke peringkat tertinggi di dalam perkhidmatan.

Aspek moral dan kesejahteraan warganya juga sentiasa menjadi fokus TLDM. Majlis Konvokesyen Program *Recognition Of Prior Experiential Learning* atau RPEL telah berjaya dianjurkan buat julung kalinya. RPEL adalah program khusus untuk mengiktiraf pengalaman warga TLDM untuk dianugerahkan Diploma Kemahiran sekaligus meningkatkan kebolehpasaran apabila bersara kelak. Kursus-kursus kepakaran di luar negara juga diteruskan dalam peningkatan kemahiran the *navy people*. Jerman, Turki dan Korea Selatan antara negara yang telah menawarkan beberapa siri kursus baharu kepada TLDM.

Melangkah ke Hadapan

Dalam memacu TLDM ke arah kecemerlangan, direktif-direktif strategik sedia ada terus menjadi panduan. Kesinambungan Peta Strategik 1320 kini diteruskan dengan Peta Strategik 2021-2025 (PS 2125) yang mengambil panduan daripada Kertas Putih Pertahanan, Direktif Strategik Panglima Tentera Laut dan Amanat Panglima Angkatan Tentera. PS TLDM 2125 mengandungi 4 Teras Strategik berikut:

Keupayaan dan Kesiagaan Angkatan
(Force Capability and Readiness)

Keberkesanan Perhubungan Strategik
(Strategic Relationship Effectiveness)

Kecemerlangan Modal Insan
(Human Capital Excellence)

Kesejahteraan Warga TLDM
(Well Being of the Navy People)



Pelantikan Laksamana Pertama Rohana binti Jupri membuktikan bahawa kaum wanita sentiasa berpeluang untuk maju sehingga ke peringkat tertinggi di dalam perkhidmatan.

TLDM juga akan terus memberi keutamaan kepada Empat Teras Utama Hala Tuju Kepimpinan TLDM iaitu:

Pertama: Memberi keutamaan kepada kesiagaan Armada TLDM.

Kedua: Pembangunan Armada TLDM sesuai perancangan Program Transformasi TLDM 15ke5.

Ketiga: Meningkatkan integrasi dan sokongan kepada aspek kebersamaan.

Keempat: Menyediakan modal insan terbaik untuk memenuhi keperluan masa hadapan

RPEL adalah program khusus untuk mengiktiraf pengalaman warga TLDM untuk dianugerahkan Diploma Kemahiran sekaligus meningkatkan kebolehpasaran apabila bersara kelak. Kursus-kursus kepakaran di luar negara juga diteruskan dalam peningkatan kemahiran #NavyPeople.



Konvokesyen Graduan RPEL pertama TLDM

Sepanjang tahun ini TLDM akan memberi tumpuan dalam pelaksanaan projek perumahan iaitu pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sandakan dan Klang (Pusat Hidrografi Nasional). Di samping itu TLDM juga sedang meningkatkan infrastruktur di MAWILLA 2 termasuk pembinaan jeti operasi baharu sepanjang 300 meter. Selain itu, perolehan aset-aset baharu juga sedang giat berjalan seperti *Littoral Mission Ship (LMS)*, *Bridge Simulator*, *Action Speed Tactical Trainer (ASTT)*, Helikopter Operasi Maritim (HOM), *Fast Combat Boat (FCB)*, *Vertical Take-off and Landing (VTOL) Unmanned Aerial System (UAS)* dan *Special Forces Boat (SFB)*.

Penutup

Pandemik telah baryak mengubah kelaziman, gaya hidup dan rutin seharian kita. Pelbagai program dan aktiviti terpaksa ditangguhkan dan sebahagiannya dibatalkan. Kita tiada pilihan selain dari patuh kepada SOP serta menerapkan norma-norma baharu, lanya bagi mengimbangi keperluan kelangsungan hidup dan menunaikan amanah. TLDM sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan terus merangka strategi untuk sentiasa bersedia dalam aspek operasi, sumber manusia yang berkeupayaan dan pengurusan serta proses kerja yang cemerlang. Sokongan padu #NavyPeople akan memastikan visi TLDM iaitu menjadi sebuah angkatan laut yang kredibel dan versatil akan tercapai. Sedia Berkorban! •



Markas Pasukan Simpanan TLDM di Sg. Lanchoo

Shaping Malaysia as A Sea Power Nation

PART 2: Reviewing Mahan's Principle Conditions of Sea Power on Malaysia

Tanjung Pelepas Port

BY Dr. Tharishini Krishnan
Department of Strategic Studies
National Defence University of Malaysia

Introduction

Part 1 shed light on understudied theories to develop a comprehensive understanding on sea power. However, Mahan's ideas remain evergreen in shaping maritime policies. Fleet commanders, despite being derived from a different nautical background, encrypts his views on the services. States refers to his idea in shaping maritime strategy; academics are still aligned with his philosophies in teaching sea power. In that context, Mahan's six principle conditions are a benchmark and recapitulating the elements in shaping Malaysia's sea power is the focus of Part 2.

Mahan's Six Principles Remain a Touchstone

According to Mahan, *geography* is the most significant bearing. Geographical proximity to other nations is another push factor in remaining relevant and building sea power. Malaysia is situated at the crossroads of east and west sea lines of communication with Malacca Straits acting as a major choke point. Due to propinquity, the country shares

maritime borders with Indonesia, an archipelago nation, and Singapore, the only city island nation in the world. In the east, Malaysia shares maritime borders adjacent to North Borneo with the Philippines, another archipelagic nation. The geography, vicinity, and overlapping maritime borders conforms with Mahan's first condition because Malaysia's geographical position challenges its defence and drive to build sea power. This drive can be observed at three flashpoints. The first of these points is at the west; the Andaman sea, a hotspot for the influx of illegal seaborne immigrations, smuggling, and trafficking activities which connects with Straits of Malacca. The claim to Sabah by the Philippines make North Borneo and the Sulu Islands of the southern Philippines the second hotspot. Third is the juxtaposition at the South China Sea over maritime zone rights contested between Vietnam, Philippines, Brunei, Taiwan, China and Malaysia.

Second is the *extent of maritime area* to defend. This condition has many advantages because it gives a state reasons to strengthen its sea power and retain access to the sea. But Mahan contends that this element also presents disadvantages. As a party to the 1982 Law of the Sea Convention, Malaysia has access to the sea space across its internal waters and territorial sea. The Exclusive Economic Zone (EEZ), permits Malaysia the sovereign rights to explore, exploit, conserve, and manage natural resources, both



RMN Ship KA Bunga Mas Lima escorting merchant ship



Exclusive Economic Zone (EEZ) of Malaysia

Malaysia expresses a clear vision in its defence white paper. But, developing sea power requires top-down and bottom-up planning to nourish the existing navy services with funding options, alongside new equipment and suitable training to handle the new kit.

living and non-living. Since Malaysia's borders overlap with the continental shelf areas, the area of defence is expanded, particularly in terms of fishing rights. However, the country's right to exercise and protect sovereignty over shared and overlapping water borders complicates its function and challenges its resilience at sea, which then become an important factor in shaping its sea power.

In deliberating the third aspect, *physical confirmation*, Malaysia has Port Klang, Penang, Tanjung Pelepas, Pasir Gudang, and Kuantan on the peninsular, as well as Kota Kinabalu and Kuching on the east as major trading ports. Minor ports and jetties are dotted throughout the country's coastline. However, a country that has extensive coastline and access to sea but limited ports and harbour accessible during crisis will be at disadvantage. Mahan's point in this case was noticeable with the intrusion of Lahad Datu in 2013 through the eastern shore of Sabah and the illegal seaborne threat at the Andaman following the outbreak of COVID-19 using porous Malaysian water. Therefore, this condition also plays a key role in shaping its sea power.

The strength of sea power is highly dependent on the *population* of a country and how extensively it is devoted to sea power defence. Whilst the navy is the front liner, the volunteer forces also plays a crucial role. This system is parallel to Mahan's idea on the role of civilians for military duties during war. In Malaysia, this particular idea is presented through the concept of Total Defence or HANRUH, which is key in its sea power development. Nevertheless, grassroots programs

such as the National Service Training Programme should be reintroduced but must be supported by a comprehensive curriculum and line-ups to prepare the population with mental strength and physical preparedness on the battlefield. Malaysia's notion as a sea power nation dates back to the Malacca empire, which was once known as a great entreport but today, besides spending leisure times along the beach, the country has overlooked building the *character of its people* as a maritime nation. Impregnating the idea and concept of a sea power nation in the minds of the people is important and can be achieved through media and education. Think tanks, institutes and non-governmental organisations can also support this objective.

However, all of these aspects should be enshrined in the *character of the government* in pursuing sea power. Malaysia expresses a clear vision in its defence white paper. But, developing sea power requires top-down and bottom-up planning to nourish the existing navy services with funding options, alongside new equipment and suitable training to handle the new kit. The government should also provide proper support systems to navy personnel through career development, welfare, and the creation of conditions to remain relevant and increase the will of its personnel in the services to bolster national strength and develop sea power.

Nevertheless, recapping Mahan's six principle conditions reflects that all of the elements are crucial indicators and remain relevant as an assessment tool in shaping Malaysia's sea power. •

OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Sejarah tercipta apabila *refit* pertama kapal selam Kelas Perdana Menteri (Scorpene) TLDM telah berjaya disempurnakan sepenuhnya di Malaysia dan bukannya di negara pembuat asal kapal selam ini. KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR) telah selesai menjalani *refit* pada 19 Jun 2018 manakala KD TUN RAZAK (KD TRZ) telah diterima platformnya pada 12 Jun 2020.

Rutin *refit* ini dilaksanakan setelah kedua-dua kapal selam tersebut beroperasi melebihi lapan tahun tanpa henti sejak 2009. Pembaikan melibatkan rombakpulihan dan pelaksanaan senggaraan seratus peratus terhadap *pressure hull*, bateri utama, janakuasa, periskop dan semua sistem sokongan utama.

Kerja pasang pulih dilaksanakan oleh syarikat tempatan, *Boustead DCNS Naval Corporation Sdn Bhd* (BDNC) iaitu sebuah syarikat usahasama di antara *Boustead Heavy Industries Corporation Bhd* (BHIC) dari Malaysia dan *Naval Group* dari Perancis. Pasang pulih ini dilaksanakan di Markas Pemerintahan Kapal Selam, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah.

Kejayaan ini turut disumbang oleh industri tempatan, selain nasihat teknikal dari *Directorate Generale de l'Armement* (DGA), Perancis yang menetapkan *standard* kualiti hasil kerja serta senggaraan. Lebih membanggakan lagi, tempoh *refit* KD TRZ telah berjaya disingkatkan dengan ketara berbanding KD TAR.

Sejarah juga turut tercipta apabila dua mantan Pegawai Jurutera TLDM telah menerima pengiktirafan kelayakan tertinggi sebagai *Maintenance Authority Delegation* dari *Naval Group*, Perancis iaitu Kdr (B) Ir. Shahriman bin Shawaluddin TLDM dan Kdr (B) Chan Ling Ket TLDM. Manakala seorang lagi mantan Pegawai Jurutera TLDM, Kdr (B) Ir. Lee Vee Weng TLDM turut bakal diiktiraf kelayakannya. Pengiktirafan ini merupakan penganugerahan tertinggi daripada *Design Authority* (Naval Group) di mana amat sukar diperolehi kerana memerlukan proses validasi serta kompetensi individu yang amat tinggi.

Warga *the Navy People* perlu mengambil motivasi dari kejayaan ini dan menghayati 'we can do wonders if given the opportunity and means' untuk terus maju. •



Menandatangani Penerimaan KD TAR

Kapal Selam TLDM Selesai Laksana Rutin Pasang Pulih (Refit) Pertama di Malaysia

Sejarah tercipta apabila *refit* pertama kapal selam Kelas Perdana Menteri (Scorpene) TLDM telah berjaya disempurnakan sepenuhnya di Malaysia dan bukannya di negara pembuat asal kapal selam ini.



Senggaraan badan kapal selam

Kejayaan Program Pasang Pulihan (Refit) Kapal TLDM dan Hala Tuju Baharu



Pemasangan jentera utama kapal



Penyerahan semula KD TODAK kepada TLDM

OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

KD TODAK yang selesai menjalani *refit* pada 29 Julai 2020 adalah kapal TLDM yang kelima belas daripada dua puluh dua kapal yang telah berjaya disiapkan mengikut jadual sejak 2017. *Refit* KD TODAK telah dilaksanakan di Limbungan Weldan Marine Services Sdn Bhd, Sandakan, Sabah.

Kejayaan ini adalah hasil inovasi dan inisiatif warga #NavyPeople melalui program *Refit* Inovasi Baharu (Refit Rebranding) yang dilancarkan pada 2017. Melalui program ini *refit* kapal TLDM ditender di mana perkhidmatan selenggaraan dilaksanakan oleh limbungan secara *all inclusive* atau pakej, kecuali cat dan lima peralatan utama iaitu jentera utama, janakuasa, gear box, *controllable pitch propeller* (CPP) dan meriam.

Sungguhpun kejayaan ini amat menggembirakan, namun usaha penambahbaikan berterusan sedang dilaksanakan. Ini kerana tempoh *refit* lapan bulan bagi kapal kecil adalah terlalu lama berbanding tempoh pelaksanaan *refit* di negara lain seperti Korea Selatan. Sasaran kini ialah untuk melaksanakan *refit* dalam tempoh empat bulan sahaja. Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut kini sedang membangunkan metodologi *refit* menggunakan kaedah 'Standard Exchange' yang dinamakan SMART *Refit*. SMART *Refit* dirancang ditender pada awal tahun 2021 bagi *refit* kapal kecil.

Warga #NavyPeople disaran agar terus menyumbang idea, berinovasi serta berusaha menghasilkan inisiatif baharu untuk penambahbaikan berterusan Armada TLDM. •



Pemeriksaan Kawalan Suku oleh Ketua Audit



Taklimat Kesiapsiagaan

Pusat Hidrografi Nasional: 5 Bintang Untuk Kesiagaan!

OLEH Lt Kdr Mohd Hilmi bin Hj Mohd Amin TLDM

Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah dinilai 5 bintang (Cemerlang) dalam Audit Kesiapsiagaannya pada tahun lalu.

Pasukan audit seramai 30 orang yang dipimpin oleh Inspektor Jeneral TLDM telah meluangkan masa selama empat hari untuk melaksanakan audit tersebut. Pelaksanaan audit ini telah diubahsuai selaras SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan kerajaan.

Audit telah dapat mengenal pasti beberapa proses penambahbaikan menerusi Penilaian Amalan Baik seperti konsep *Print On Demand* (POD) iaitu kaedah pencetakan baharu yang dilaksanakan di PHN, ia menggunakan *digital printing machine* dan E-Awasan, satu aplikasi mudah yang dibangunkan sendiri bagi menguruskan hal keanggotaan, penugasan dan penempatan warga.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga PHN. •



Tim anjungan



Latihan mengeledah

OSTEX EAST 1/20 Pertingkat Kesiagaan Armada Timur

Markas Pemerintahan Armada Timur berkolaborasi bersama Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) dan Tentera Udara Diraja Malaysia dalam melaksanakan ekksesais intra-TLDM, Operational Sea Training Exercise East (OSTEX EAST) Siri 1/20.



Drill situasi kecemasan petugas harian

Eksesais selama 11 hari iaitu bermula 10 hingga 21 Ogos 2020 ini telah dilaksanakan di beberapa lokasi termasuk Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sandakan serta perairan timur dan barat Sabah. Pelbagai aktiviti dijalankan memfokuskan kepada kemahiran navigasi, peperangan maritim dan ilmu kelautan bagi menguji tahap kecekapan serta mempertingkatkan keupayaan warga kapal. Pelaksanaan eksesais ini turut memperagakan kehadiran TLDM di Laut China Selatan seiring usaha memperkasa kedaulatan perairan negara.

Eksesais dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu Fasa Pelabuhan, Laut dan Pasca Eksesais. Fasa Pelabuhan memfokuskan kepada perbincangan operasi, bengkel dan taklimat pengoperasian serta pentadbiran persediaan di laut. Manakala Fasa Laut iaitu *Field Training Exercise (FTX)* melibatkan beberapa aset seperti KD KERIS, KD PERAK, KD BAUNG, KD YU, KD SRI JOHOR dan MV MEGA BAKTI. Aset udara pula melibatkan Helikopter SUPER LYNX, HAWK dan EC 725. Pasukan elit PASKAL dan Pasukan Selam TLDM turut mengambil bahagian melengkapkan eksesais kali ini

Fasa Pasca Eksesais memberi tumpuan kepada *Post-Exercise Debrief (PXD)* yang dapat memperjelas pencapaian eksesais serta mengenalpasti kelemahan yang boleh dipertingkatkan di masa hadapan.

Pelaksanaan eksesais seperti ini adalah inisiatif TLDM dalam memperkukuhkan pertahanan maritim negara. Peluang melaksanakan latihan operasi maritim secara besar-besaran wajar dimanfaatkan bagi memantapkan keupayaan dan kesiagaan armada TLDM. •



PASKAL menaiki pesawat EC 725 di KD PERAK



Penembakan meriam



Latihan menunda kapal



TLDM Memperkasakan Indigenous Product

TLDM amat serius untuk memperkasakan *Indigenous Product* yang ditakrifkan sebagai produk buatan Malaysia atau *local content*. Sehubungan itu beberapa inisiatif telah dijalankan untuk jangka masa pendek dan panjang bagi menyokong Teras ke-7 Kertas Putih Pertahanan yang diluluskan oleh parlimen pada 3 Disember 2019.



Definisi Indigenous Product


OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Matlamat utama Teras ke-7 ini adalah ke arah *self-reliance* iaitu memperkasakan kepercayaan industri pertahanan tempatan dalam memenuhi keperluan aset pertahanan.

Ke arah itu, TLDM telah mengambil dua langkah berikut:

1. Menetapkan *Indigenous Product* sebagai komponen atau peralatan diperlukan di dalam spesifikasi tender perolehan atau perkhidmatan untuk sesebuah aset TLDM seperti peralatan di kapal, bot, kapal terbang dan seumpamanya. Inisiatif ini telah dilaksanakan melalui *Obsolescence Programme (OP) KD PERKASA* dan *KD PERDANA*.
2. Berurusan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Bahagian Industri Pertahanan, KEMANTAH serta *Malaysian Industry Council for Defence, Enforcement and Security* agar terminologi termasuk takrifan *Indigenous Product* ditetapkan oleh kerajaan untuk dijadikan Punca Kuasa pematuhan kelak.

TLDM yakin usaha memperkasakan *Indigenous Product* secara berperingkat, berterusan dan *walk the talk* akan mampu memastikan industri tempatan yang terlibat berkembang maju dan mampu bersaing dengan produk luar negara.



Cadangan Definisi Indigenous Product



Tentera Laut Diraja Malaysia



@tldm_rasmi



@royalmalysiannavy



RMN News Update



Tentera Laut Diraja Malaysia



**FOLLOW
US**



Kertas Putih Pertahanan: Peranan Pengamal Industri Dalam Pertahanan Negara

Para pengamal industri yakin dengan sokongan kami serta jalinan kukuh di kalangan semua pihak berkepentingan, cabang-cabang ketenteraan negara berupaya menggalas cabaran kini dan yang bakal mendatang.



OLEH Nazery bin Khalid

Bahagian Kedua

Berikut adalah sambungan kepada tiga ciri-ciri yang mencorakkan lanskap pertahanan dan keselamatan negara yang disenaraikan dalam artikel Samudera terdahulu. Ciri-ciri ini dibincangkan dalam konteks Kertas Putih Pertahanan atau *Defence White Paper* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan pada penghujung 2019.

IV Kesan konflik antarabangsa terhadap keselamatan negara

Situasi keselamatan negara banyak dipengaruhi oleh senario antarabangsa. Ini merupakan lumrah dunia yang kini terikat oleh proses globalisasi dan ketergantungan antara negara.

Pelbagai konflik dan situasi keselamatan dekat atau jauh mempunyai kesan terhadap keselamatan kita. Perang proksi di Syria serta kekejaman tentera Myanmar terhadap puak Rohingya menyaksikan kehadiran pelarian dari negara-negara tersebut di Malaysia. Konflik di Mindanao di selatan Filipina dirasakan tempasnya di Sabah dan menggugat kestabilan negara. Percaturan tentera laut China dan Amerika Syarikat di Laut China Selatan menyebabkan ketegangan di wilayah ini dan membuat kita gusar akan impaknya terhadap kepentingan maritim dan kewilayahan kita.

Konflik ini serta percaturan kuasa-kuasa besar dunia mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada kepentingan keselamatan dan strategik kita. Mustahil bagi agensi-agensi keselamatan membina *situational awareness* dan *anticiption*, menangani kesan ancaman itu dan menyumbang kepada keselamatan serantau tanpa



sokongan dan bantuan pengamal industri yang menyediakan peralatan, sistem dan perkhidmatan ketenteraan, keselamatan, komunikasi dan sebagainya.

V Tuntutan sumber manusia berkemahiran tinggi dan terlatih

Penggunaan aset, sistem dan peralatan canggih memerlukan pengendalian oleh kakitangan terlatih dari segi teknikal dan bidang berkemahiran tinggi. Ini penting memandangkan medan perang sekarang yang bukan sahaja dimenangi oleh askar-askar gagah berani semata-mata tetapi kebolehan berperang dalam pelbagai dimensi termasuk dimensi siber.

Dunia ketenteraan alaf baharu kini menuntut anggota agensi-agensi keselamatan yang selesai dengan teknologi tinggi serta cekap mengendalikan komputer, peralatan serta sistem yang dipacu oleh teknologi tinggi. Kebolehan mereka beroperasi dalam persekitaran berteknologi tinggi dan dunia siber boleh menjadi penentu kalah menang di medan peperangan.

Dalam konteks ini, adalah penting yang pengamal industri mengeluarkan dan membekalkan produk serta memberikan perkhidmatan yang relevan kepada kehendak dan kebergantungan pasukan tentera

Kebolehan mereka beroperasi dalam persekitaran berteknologi tinggi dan dunia siber boleh menjadi penentu kalah menang di medan peperangan.

masa kini terhadap sumber manusia berkemahiran tinggi. Sama penting dengan memiliki aset berkuasa dan berteknologi tinggi ialah memenuhi tuntutan modal insan yang menguasai kemahiran tinggi dalam bidang seperti rekabentuk, komputer, elektronik, elektrik, perserjataan, logistik, pengurusan rantai bekalan dan sebagainya. Tanpa sumber manusia sedemikian, tidak mungkin cabang-cabang ATM dapat memenuhi tuntutan pertahanan dan keselamatan negara.

Industri pertahanan boleh menyumbang kepada pembentukan anggota berkemahiran dan tentera terlatih. Melalui latihan pasca-jualan yang diberikan, perkhidmatan perundingan serta pemindahan pengetahuan (*transfer of know-how*), syarikat-syarikat dalam industri pertahanan membantu pihak tentera membina tentera terlatih bagi mengelolakan aset dan sistem berteknologi tinggi yang mereka beli atau perolehi.

Kita ambil contoh TLDM yang kini mempunyai aset maritim yang sofistikated seperti kapal selam,

kapal-kapal permukaan, aset udara dan pelbagai radar dan sistem yang canggih. Aset baru berteknologi tinggi seperti Kapal Kombat Littoral (*Littoral Combat Ships*) dan Kapal Misi Littoral (*Littoral Mission Ships*) yang bakal dimilikinya memerlukan kakitangan terlatih untuk dikendalikan dengan cekap bagi membolehkan misi mereka dilaksanakan dengan jayanya. TUDM pula membayangkan akan memiliki jet pejuang baharu yang berkuasa tinggi dan canggih yang bukan sahaja memerlukan pengendalian oleh juruterbang terlatih malah juruteknik cekap dan berkemahiran tinggi untuk memastikan aset berharga ini sentiasa *combat ready*. Syarikat yang terlibat dalam pembelian aset ini kelak bakal memainkan penting dalam memastikan ia sentiasa siaga melalui perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih (*Maintenance, Repair and Overhaul - MRO*).

VI Memastikan anggota tentera menerima latihan yang cukup

Selaras dengan penggunaan aset yang semakin canggih dan lanskap



pertahanan serta keselamatan yang semakin dinamik, tentera moden harus mempersiapkan anggota mereka dengan latihan secukupnya. Latihan berterusan memastikan kesiagaan dan kecekapan di kalangan para anggota. Kualiti ini menjadi tunjang kepada agensi ketenteraan yang tangkas dan berwibawa yang boleh digerakkan dengan cepat bagi menghadapi apa jua keadaan dan menjalankan misi dengan jayanya.

Pengamal industri pertahanan mempunyai kapasiti bagi membantu membina para anggota tentera yang terlatih, cekap dan berkemahiran. Pelbagai perkhidmatan latihan yang diberikan oleh syarikat-syarikat pembekal kenderaan, senjata, peluru / *ordnance*, peralatan komunikasi serta sistem yang digunakan oleh tentera membantu anggota mereka sentiasa berada dalam tahap *optimal readiness* bagi menangani sebarang ancaman, situasi dan tuntutan. Perkongsian serta pendedahan kepada kemahiran, pendekatan dan *best practices* pengamal industri dengan tentera juga boleh membantu anggota tentera membina kebolehan mengurus sumber dengan cekap, menyelesaikan masalah serta kemahiran merancang senario dan teknik berfikir aras tinggi.

Cabaran pertahanan negara dan peranan pengamal industri

Jelas dari ciri-ciri senario yang dilakarkan yang agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan kini menghadapi persekitaran keselamatan yang semakin kompleks dan mencabar. Tidak cukup dengan itu, pelbagai cabaran juga timbul dari peruntukan belanjawan yang sederhana, keusangan aset, kehendak menyediakan sumber manusia terlatih dan kos di luar jangkaan untuk memperbaiki dan menyelenggarakan aset-aset ketenteraan dan memastikannya berada pada tahap kesiagaan yang tinggi. Juga, skop tanggungjawab agensi-agensi keselamatan negara sudah semakin meluas sejajar dengan persekitaran keselamatan dan pertahanan yang lebih dinamik.

Ini menuntut pengurusan dan anggota mereka serta perancang dan pentadbir di Kementerian-kementerian berkaitan pertahanan dan keselamatan untuk berfikir di luar kotak dan secara lebih kreatif dan inovatif. Dalam masa yang sama, cabang-cabang ATM harus mengekalkan *posture* sebagai *combat-ready force* yang sedia menghadapi pelbagai ancaman keselamatan dan memenuhi rangkuman luas

tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Dalam hal ini, sokongan jitu dari pengamal industri adalah teramat penting bagi membolehkan cabang-cabang ketenteraan negara meningkatkan kesiagaan mereka dengan belanjawan berhemah yang diperuntukan untuk beraksi di atas pentas yang mencabar secara optima. Ini menjadi antara teras utama yang bakal memacu halatuju angkatan tentera kita di tahun-tahun mendatang. Tanpa sokongan industri, adalah sukar bagi agensi-agensi melaksanakan strategi mereka, meningkatkan integrasi dan sokongan kepada doktrin kebersamaan (*jointness*), menyediakan modal insan bagi memenuhi pelbagai tuntutan operasi dan tanggungjawab serta menjadi *credible force* yang berupaya memelihara kepentingan negara.

Besar tanggungjawab yang digalas oleh agensi-agensi keselamatan dan pertahanan kita untuk memastikan yang kepentingan negara dan keutuhan kewilayahan negara terpelihara di kala persaingan di antara kuasa-kuasa besar di keliling kita semakin meruncing. Dalam masa yang sama, mereka juga

dipertaruhkan untuk memainkan peranan menyokong usaha-usaha diplomasi. Ini termasuk mengibarkan Jalur Gemilang di persada antarabangsa secara aman sejajar dengan dasar luar negara yang aman, bebas dan berkecuali serta komited untuk mencari penyelesaian aman (*peaceful resolution*) terhadap konflik.

Sekiranya konflik tidak dapat dielakkan, mereka dipertaruhkan untuk memelihara pertahanan dan kewilayahan maritim negara serta menghadapi ancaman tanpa kompromi dan gentar. Sebagai contoh, ancaman yang datang dari China yang semakin agresif mendokong tuntutanannya di Laut China Selatan bagi merah kebihan *anti-access / area-denial* (AZAD). Ini meletakkan kita di dalam dilema kerana tuntutan China di laut ini merangkumi kawasan yang mana kita juga mempunyai tuntutan terhadapnya. Tentunya kita tidak berhasrat untuk berperang dengan kuasa besar seperti China yang juga merupakan dagangan akrab kita, namun kita tidak boleh membiarkan sahaja ia bertindak sesuka hati di lautan ini tanpa memberikan cabaran yang kredibel bagi memelihara kepentingan kita dan menyokong tuntutan kita. Satu lagi contoh ialah ancaman yang datang dari sumber *non-military* seperti yang dicetuskan oleh kumpulan militan dari selatan Filipina di Tanduo, Lahad Datu pada tahun 2013.

Menangani situasi sebegini memerlukan aset bersesuaian, tahap kesiapsiagaan yang tinggi, para anggota terlatih, strategi yang baik serta koordinasi rapat di antara TLDM dengan agensi-agensi Kerajaan. Dalam hal ini, aset dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh para pengamal industri adalah teramat penting. Tidak keterlaluan sekiranya kita mengibaratkan para pengamal industri sebagai 'askar simpanan' yang menyokong tentera kita dan membantu dalam pertahanan negara.

Industri dan tentera : Mara bersama

Harapan tinggi yang dipertaruhkan ke atas ATM oleh rakyat Malaysia bagi memelihara keamanan dan kesejahteraan

Tentunya kita tidak berhasrat untuk berperang dengan kuasa besar seperti China yang juga merupakan dagangan akrab kita, namun kita tidak boleh membiarkan sahaja ia bertindak sesuka hati di lautan ini tanpa memberikan cabaran yang kredibel bagi memelihara kepentingan kita dan menyokong tuntutan kita.

negara adalah sangat besar. Cabang-cabang ketenteraan dan agensi-agensi keselamatan dan pertahanan berhadapan dengan *expectations* yang semakin tinggi. Mereka harus sentiasa peka kepada pelbagai *disruptive forces* dan persekitaran operasi yang sentiasa berubah untuk sentiasa bersedia dan kekal relevan dan *sustainable* sebagai organisasi-organisasi yang bertanggungjawab ke atas benteng pertahanan negara.

Dalam konteks ini, adalah diharapkan yang strategi yang bakal dirangka di dalam Kertas Putih Pertahanan mengambil kira peranan dan kebolehan pengamal industri dalam mencorakkan senario pertahanan negara dan membantu agensi-agensi ketenteraan dalam menjalankan tugas serta memenuhi objektif mereka. Ini penting bagi memastikan usaha menyediakan aset, tenaga kerja, sistem, doktrin, strategi, struktur organisasi / *command and control* dan pendekatan yang bersesuaian bagi menghadapi dunia yang sedang dan akan mengalami pelbagai perubahan pesat.

Para pengamal industri yakin dengan sokongan kami serta jalinan kukuh di kalangan semua pihak berkepentingan, cabang-cabang ketenteraan negara berupaya menggalas cabaran kini dan yang bakal mendatang. Kami yakin yang ATM berpotensi menjadi satu pasukan tentera yang berbilang dan disegani di persada antarabangsa. Melalui peranan kami membekalkan aset yang bermutu serta membantu melahirkan anggota-anggota pasukan keselamatan yang berkemahiran, cekap dan terlatih, pastinya TDM, TLDM dan TUDM dan agensi-agensi keselamatan dan pertahanan Malaysia boleh melaksanakan segala tanggungjawab mereka secara berkesan demi keselamatan dan keamanan ibu pertiwi tercinta. •

Komentari ini telah diterbitkan di dalam *Defence White Paper Commentaries 2019, The Journal of Defence and Security, 11(2)/2019* terbitan Malaysian Institute of Defence & Security (MIDAS).



Penulis mengalu-alukan pandangan terhadap penulisannya melalui e-mel di nazerykhalid@gmail.com.

Obsolescence Programme (OP) Skuadron Fast Attack Craft (FAC) Inisiatif Memastikan Kapal Adalah Kredibel dan Mampan

Antara inisiatif terkini TLDM bagi memastikan aset di armada mampu melaksanakan operasi dengan berkesan dengan kos senggaraan yang efektif.



OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Sejak pertengahan tahun 2020 tiga buah *Fast Attack Craft* (FAC) berpangkalan di Kuantan iaitu KD PERKASA telah menjalani OP di sebuah limbungan tempatan. Manakala baki dua FAC iaitu KD PERDANA dan KD GANAS akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga 2022.

OP ini membolehkan Skuadron kapal jenis FAC yang telah berusia melebihi 40 tahun dikembalikan ke keupayaan asal sementara menunggu program penggantian aset, selaras dengan Program 15to5. Program ini bukan sahaja melibatkan *Obsolescence Management* (OM) melalui penukaran peralatan yang usang seperti jentera utama, *gear box*, janakuasa dan sebagainya, malah merangkumi penukaran keseluruhan *hull* serta komponen kapal kecuali peralatan persenjataan dan komponen terpilih.

Berdasarkan *Cost Benefit Analysis*, pelaksanaan OP ini memberi *Return of Investment* (ROI) yang tinggi, di mana telah dibentangkan di *Value Management Lab* (VM Lab), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Disebabkan ROI yang tinggi berbanding *refit*, VM Lab telah meluluskan agar OP diimplementasikan segera. Antara ROI yang dicapai adalah seperti di Jadual 1. Lebih membanggakan, OP ini

Siri	ROI	OP	Refit
1.	<i>Service Life</i>	Up to 15 years	Approximately 5 years
2.	<i>Future Operating Cost</i>	Low	High
3.	<i>Maintenance - Mean Time Between Overhaul (MTBO)</i>	Up to 27,000 hours	At 9,000 hours
4.	<i>Supportability of Spares from OEM</i>	At least 15 years	Near to obsolescence

Jadual 1: Jadual perbandingan antara OP dengan *Refit*

menetapkan keperluan penggunaan *Indigenous Product* buatan Malaysia untuk beberapa peralatan khusus, selaras dengan Teras ke-7 Kertas Putih Pertahanan iaitu ke arah *self-reliance*. Sekiranya OP KD PERKASA berjaya, JPM berhasrat pendekatan OP ini dipanjangkan ke Kementerian lain.

Inisiatif OP ini adalah hasil cetusan idea #NavyPeople dan dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi TLDM. Diharap, #NavyPeople terus menyumbang idea baharu yang bernas ke arah meningkatkan keupayaan operasi TLDM, serta memastikan sokongan logistik adalah mampan dan efektif. •

Engineering Working Group: Kolaborasi Bersama Universiti Tempatan



Lawatan kerja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia



Kolaborasi bersama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



Lawatan kerja oleh Universiti Teknologi MARA

OLEH Kdr Ir. Ts. Ng Keng Lip TLDM

TLDM melalui Cawangan Penguasa

Kejuruteraan Armada (CPKA) telah membentuk lima *Engineering Working Group (EWG)* bersama universiti awam dan swasta iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Kuala Lumpur dan Universiti Tenaga Nasional sejak Februari 2020. Kolaborasi ini bertujuan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan bagi bidang kejuruteraan marin dan senibina kapal dalam usaha mengatasi beberapa isu kejuruteraan yang dihadapi.

Selain penyelidikan dan pembangunan, EWG berperanan mengenalpasti dan mencadangkan tindakan penyelesaian yang

berkesan kepada Amada TLDM terhadap isu kejuruteraan. Di samping itu, hasil kajian boleh digunakan sebagai sumber rujukan untuk kegunaan akademik bagi pengajian lanjutan peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah. Bahkan, ianya boleh diguna untuk peningkatan kerjaya seperti menjadi Jurutera Profesional, Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah. Pelaksanaan inisiatif ini merupakan salah satu pendekatan untuk menyokong Program Transformasi 15to5 TLDM.

Pendekatan ini diharapkan menjadi pemangkin melestarikan CPKA sebagai Penguasa Tunggal Kejuruteraan (Single Engineering Authority) di dalam TLDM selain transformasi ke arah menjadi *Center of Excellence for Naval Engineering (CoENE)* dan *Center of Expertise (CEx)*. •

Skim Latihan Teknisyen TLDM

Ini adalah pendekatan untuk memantapkan kompetensi anggota teknisyen yang diperjawatkan di armada dan unit-unit TLDM dalam tempoh yang singkat.

OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

TLDM telah mengorak langkah sejak 2019 dengan mengambil anggota teknisyen yang berkelulusan Diploma Kejuruteraan melalui Skim Diploma Tugas Khusus (DTK). Bagi Skim DTK, keperluan latihan hanya ditumpukan kepada *Bridging Course*, *System Familiarisation*, *Subject Matter Expert (SME)* untuk peralatan khusus serta kursus kerjaya sahaja, bukan kursus kepakaran.

Sebelum Skim DTK, Teknisyen TLDM dihasil melalui skim berikut:

1 Perantis Kimpu. Anggota teknisyen TLDM dihantar ke HMS COLLINGWOOD United Kingdom, HMS NIRIMBA Australia dan di India untuk menjalani kursus. Skim ini adalah *fast-track* yang membolehkan anggota Perantis dinaikkan ke pangkat Bintara Muda dalam tempoh 5 tahun sahaja. Namun, skim ini ditamatkan pada 1986.

2 Perantis. Skim ini bermula pada 1981 di mana anggota menjalani latihan di KD PELANDOK secara *in-house*. Kerjasama dengan Politeknik Ungku Omar membolehkan Skim Perantis diiktiraf setaraf dengan Diploma Politeknik. Skim Perantis ini telah dinamakan semula kepada Skim Diploma Teknologi Marin (DTM) pada 1999.



3 Diploma Teknologi Marin (DTM). Skim DTM yang bermula pada 1999 adalah program kerjasama dengan UTM. Pada 2006 berlaku lambakan anggota yang memasuki Skim DTM menyebabkan kekangan untuk Perantis yang telah mencapai tempoh 5 tahun untuk dinaikkan ke pangkat Bintang Muda. Ini kerana pengambilan melebihi perjawatan hakiki di dalam TLDM disebabkan perjanjian "*minimum number of trainees*" di antara TLDM dan UTM perlu dipatuhi. Selain itu, Skim DTM ini didapati mempunyai isu kompetensi di mana lebih tertumpu kepada keperluan akademik dan pengurusan, kurang dalam bidang kejuruteraan secara *hands-on*. Akhirnya Skim DTM ini telah dihentikan pada tahun 2010.

4 Teknisyen. Skim latihan bagi anggota secara berperingkat sehingga mencapai tahap kompetensi yang dikehendaki. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kursus kelayakan mengikut garis masa ditetapkan. Skim ini bermula 1970-an hingga sekarang. Pada 2015, skim latihan telah diselaraskan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) agar teknisyen yang layak memperoleh pengiktirafan sehingga ke peringkat Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3. Namun, Skim ini telah dikurangkan pengambilan anggota pada tahun 2019 bagi memberi laluan kepada Skim Diploma Tugas Khusus (DTK).

5 Diploma Tugas Khusus (DTK). Skim ini bermula 2019 melalui pengambilan Perajurit Muda 219. Graduan yang berkelulusan Diploma Kejuruteraan diambil untuk menjadi teknisyen setelah menjalani latihan Perajurit Muda.

Analisis pelbagai skim latihan teknisyen:

1 Laluan Kerjaya. Skim Perantis Kimpu, Perantis dan DTM adalah yang tercepat mencapai pangkat Bintang Kanan, iaitu dalam tempoh 5 tahun, jika layak. Bagi Skim DTK, ianya adalah *hybrid* di antara Skim Teknisyen dan Perantis iaitu kenaikan pangkat mengikut ekosongan perjawatan.

2 Skim Gaji. Skim DTK adalah lebih tinggi di semua peringkat pangkat berbanding Skim Perantis dan Teknisyen.

3 Kaedah Pengambilan Anggota. Pengambilan anggota untuk Skim DTK perlu menjalani Latihan Perajurit Muda



terlebih dahulu. Bagi Skim Perantis, pemilihan dilaksanakan setelah tamat Latihan Perajurit Muda. Namun, pengambilan anggota untuk Skim DTK adalah mencabar disebabkan tiga faktor utama:

- Umur.** Calon yang memiliki Diploma adalah di antara usia 21 ke 25 tahun disebabkan perlu mengikut pengajian.
- Pengambilan.** Hanya melibatkan Diploma Kejuruteraan, bukan sepenuhnya Diploma Teknologi Kejuruteraan. Dasar ini adalah bagi membolehkan skala gaji kelulusan Diploma Kejuruteraan digunakan.
- Kurang Sambutan.** Sebahagian besar graduan Diploma Kejuruteraan di negara ini telah mempunyai kerjaya yang stabil. Justeru perkara ini mengurangkan potensi mendapatkan calon yang layak serta berminat menyertai TLDM.

TLDM mendapati Skim DTK adalah pendekatan terbaik buat masa ini bagi mendapatkan teknisyen yang kompeten. Walaupun terdapat kekangan dan cabaran, dengan promosi dan tarikan kerjaya yang ditawarkan, diyakini perkara ini dapat di atasi dalam tempoh jangka panjang. Selain itu, calon graduan Diploma Kejuruteraan berpeluang untuk terus maju dalam karier dalam mendapatkan pengiktirafan seperti *Certified Technician (Tc)* dan *Jurutera Profesional (Ir)* berdasarkan syarat serta kelayakan yang ditetapkan. •

Flying High Together



BY Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

PHOTO RMN Comstrat

It was an unusual sight, seeing a helicopter being loaded into an aeroplane. I've heard of transportation of military tanks and armaments, but this was a first for me.

It was also a new milestone for the cooperation between the RMN with sister service RMAF when the latter transported the Navy's Super Lynx Mk 100 helicopter to Kota Kinabalu (KK) on the Airbus A400M.

Arriving at the Air Movement at Subang Air Base at 5am, I met my two colleagues along with the RMAF public relations people. From our vantage point at the waiting lounge, we could see the Super Lynx crew bringing the aircraft to a spot behind the huge A400M plane a half hour later. For my colleagues and I, we were tasked to follow the movement all the way to Kota Kinabalu and back, in what was the furthest I've ever been on a day trip.

It was nice to meet with familiar faces among the Super Lynx team who sailed onboard KD LEKIU with me last year on an overseas assignment to East Asia.

The loading process took more than two hours, then everyone got onboard and were strapped at their seats, while pilot Major Lo



Majestic bird, the A400M



It's not every day that you get to see a helicopter going on a plane



One for the history books

Chee Sing RMAF and co-pilot Captain Mohamad Erid Abdul Rahim RMAF readied for take-off.

It was another two-and-a-half hours before we landed at Kota Kinabalu International Airport and proceeded to unload the helicopter. The process was faster this time and by 1pm, we said our goodbyes to the Super Lynx crew while the A400M personnel prepared for our journey back to Subang.

I was invited by Maj Lo to sit in the cockpit on the return flight. The seat was behind the pilot and co-pilot, smack in the middle with an awesome frontal view. I had a number of questions, but was happy to wait until the pilots were less busy. Maj Lo initiated the conversation which took many turns and a few that took me by surprise. Like

how he noticed my reservist status and his lack of experience sailing with a navy ship. Perhaps if he pilots a helicopter instead?

Watching Maj Lo and Capt Erid at work during take-off, I was reminded of KD LEKIU's busy bridge team each time we leave port. The Navigation Officer being the man orchestrating all movements at the bridge, while the Executive Officer oversees the coordination with officers and deck hands at other parts of the ship to ensure a smooth and safe departure.

When the A400M took off from KK, I got a glimpse of the beautiful Sabah coastline and the sea. The view was breath taking and I felt the familiar longing to be out there, preferably on a keelboat.

The flight was thankfully peaceful, although we did encounter some cloud pockets as we neared Subang and once I had the sensation of being swallowed whole by a particular pocket, but luckily no one noticed me keeping my eyes shut for one minute.

It was another smooth landing in Subang and we then took our leave happy but a little tired. My sincere thanks to Maj Lo, Capt Erid and the A400M crew from the No. 22 Squadron for their professionalism and also hospitality. Another day at the office for them, another personal milestone as a reservist for me.

This is one more piece of history that I am privileged to be a part of as a naval reservist currently on full-time deployment. •



Fajar pagi di Tambatan Pangkalán TLDM Lumut



Samudera



#TheNavyPeople







Mencorak Kepimpinan Masa Hadapan

Pemimpin datang dan matlamat organisasi perlu diteruskan.

OLEH Lt Nurulfarahin binti Azmi PSSTLDM

Bengkel Kepimpinan BAKAT(L) 2020 telah dilaksanakan pada 25 hingga 27 September 2020 di Hotel Corus Kuala Lumpur. Seramai 74 ahli BAKAT(L) dari kalangan isteri pegawai kanan (Komander - Laksamana Muda) serta Isteri Pegawai-pegawai Memerintah unit telah dipilih untuk menyertai bengkel tersebut.

Objektif bengkel tiga hari ini antara lain adalah untuk membentuk jati diri dan membina kualiti kepimpinan yang diperlukan serta cenderung ke arah penjaan untuk generasi BAKAT(L) masa hadapan. Berbagai aktiviti dijalankan bertujuan untuk membudayakan semangat berpasukan dalam diri setiap peserta agar saling menghargai peranan masing-masing dalam membentuk sebuah pasukan yang elektif demi kelestarian BAKAT(L). •



Program kendalian konsultan berpengalaman



Sepenuh komitmen



Semangat berpasukan



BAKAT Laut menyertai kajian selidik



#NavyPeople terlibat kajian



Tim Penyelidik UKM



Anak-anak #NavyPeople

Pilot Study Pemeraksanaan Modal Insan TLDM

Lumut, 8 Ogos 2020 - TLDM telah bekerjasama dengan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi melaksanakan *Pilot Study* mengenai Pemeraksanaan Modal Insan TLDM dan Kaitannya Terhadap Kecemerlangan Prestasi #NavyPeople. Skop kajian ini menjurus kepada sejauh mana faktor keluarga memberi impak terhadap prestasi #NavyPeople. Hasil kajian ini adalah sangat penting untuk Bahagian Sumber Manusia TLDM mencorakkan hala tuju penambahbaikan pembangunan prestasi #NavyPeople bagi mendokong Pelan Strategik Kertas Putih Pertahanan iaitu Pembangunan Modal Insan anggota ATM.

Satu Tim Penyelidik daripada UKM yang diketuai oleh Profesor Datuk Dr. Rokiah binti Haji Omar telah melaksanakan *pilot study* ini di Pangkalan TLDM Lumut. Kajian berdasarkan kaedah *sampling* melibatkan warga #NavyPeople yang telah berkahwin, ahli dan pengurusan BAKAT Laut dan anak-anak yang berumur 10 hingga 21 tahun.

Hasil dapatan kajian ini akan digunakan untuk memperkemas lagi kaedah sumber manusia TLDM sejajar dengan pembangunan kehendak Kertas Putih Pertahanan. •



OLEH PW I KOM Shapilin bin Dolmat
FOTO BM TLR Suhairi bin Mohamed Ali

Semangat berkobar-kobar masih ketara di jiwa Encik Mohamad Redza bin Mustaman, yang bersara sebagai Leftenan TLDM pada 1997. Beliau kini adalah Pengarah Eksekutif Syarikat MRI Technologies (M) Sdn Bhd.

Menceritakan kembali perjalanan kerjayanya, anak jati Kuala Lumpur ini menyertai TLDM sebaik menamatkan alam persekolahan. Minat yang mendalam dengan dunia ketenteraan telah mendorong beliau untuk menghadiri temuduga sehingga berjaya dipilih menjadi Pegawai Kadet TLDM bagi Pengambilan ke-39 pada 1988.

Sepanjang tempoh 10 tahun perkhidmatannya, beliau ditugaskan di KD MAHAMIRU, KD SRI JOHOR, Pegawai Staf 3 Anggota (Pegawai) dan Jururint kepada Ketua Staf Markas ATM (Laksdya Dato' Haron bin Dato Dr. Mohd Salleh).

Antara kenangan yang masih segar dalam ingatan adalah ketika kapal beliau ditugaskan mengawasi perairan Pulau Sipadan dalam Operasi LINTAR sekitar tahun 1992-1993. Keadaan laut yang sering bergelora dengan ombak besar nyaris menenggelamkan kapal. Namun ia tidak mematahkan semangat beliau dan kru kapal untuk terus mempertahankan kedaulatan negara dari diganggu

gugat, Pulau Sipadan menjadi titik panas ketika itu tentet pertikaian hak pemilikan oleh negara jiran.

Menukar Haluan

Keputusan untuk meninggalkan TLDM bukanlah sesuatu yang pernah diimpikannya. Akur dengan ketentuan rezeki, beliau menamatkan perkhidmatan TLDM pada Januari 1997 untuk menyertai Syarikat United Engineers (M) Berhad. Di sinilah beliau mengenali dunia korporat dan keusahawanan. Berkat kewibawaan dan keberibadian yang dimiliki, beliau telah diberi kepercayaan untuk menyandang beberapa jawatan penting dalam syarikat.

Berebalkan ilmu dan pengalaman yang ditimba selama empat tahun di UEM, beliau nekad berhenti kerana inginkan perubahan dan cabaran baharu. Menyewa ruang kecil untuk dijadikan pejabat, beliau memulakan perniagaan sebagai pembekal kecil-kecilan bersama rakan karibnya, Syarikat MRI Technologies (M) Sdn Bhd yang ditubuhkannya mula menempa nama apabila berjaya mendapat tender membekalkan enjin bot untuk kegunaan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Cabaran

"Sentiasa mencari peluang baharu untuk mengembangkan perniagaan adalah antara prinsip saya. Pengalaman mengawasi perairan Sabah juga telah mencetuskan idea kepada saya untuk menawarkan perkhidmatan pembekalan dan sewaan bot beserta selenggaraan,

Dari Pelaut ke Dunia Korporat

"Saya bersedia untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada Angkatan Tentera Malaysia dengan segala kemampuan dan kemahiran yang ada."





Sebagai seorang veteran ATM, beliau turut membuka peluang pekerjaan kepada pesara tentera yang berpengalaman. Menurut beliau, disiplin diri dan sifat taat setia bekas tentera adalah aset kepada syarikatnya.

untuk kegunaan Markas ATB 2 yang mengalami kekangan aset ketika itu bagi memenuhi keperluan operasi yang tinggi. Bagi mempertingkatkan pengoperasian Op PASIR, konsep Perkhidmatan Sewaan Bot Tempur telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh ATM dan Kementerian Pertahanan," ujar beliau.

"Alhamdulillah, syarikat kami telah diberi kepercayaan dan dianugerahkan tender untuk membina, membekal dan menyelenggara bot tempur oleh Kementerian Pertahanan melalui konsep *Government Operate Company Own And Maintain* (GOCOM) sejak 2015 sehingga kini. Melalui konsep GOCOM, bot-bot ATM di kawasan tersebut sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tertinggi, sekaligus kes-kes pencerobohan serta penculikan di laut berjaya ditangani dengan berkesan," ujarnya lagi.

Menjadi lumrah sebagai pemain industri pertahanan, syarikat MRI tidak terlepas dari cabaran persaingan dengan syarikat yang lebih besar dan ternama. Bagi mencapai 'Performance Base' yang telah ditetapkan di dalam kontrak GOCOM oleh kerajaan, syarikat telah membuat pelaburan seperti menyediakan staf-staf teknikal yang kompeten serta terlatih, bengkel-bengkel pembaikan serta *slipway*, alat-alat ganti yang cukup, *special tools* dan alat-alat sokongan yang lain seperti *forklift* dan *crane* agar selenggaraan serta pengoperasian bot-bot GOCOM mencapai KPI yang telah ditetapkan. MRI sebagai syarikat yang mempelopori konsep GOCOM, perlu sentiasa menjaga reputasi dengan memberikan perkhidmatan terbaik.

Terus menyumbang

"Walaupun sibuk menguruskan syarikat, tanggungjawab sesama insan tidak dilupakan. syarikat kami turut menghulurkan bantuan kewangan



Model bot Tempur Viper



Mohamad Redza (paling belakang) bersama jurulatih dan rakan seperjuangan Pegawai Kadet Pengambilan ke-39

kepada beberapa pusat tahfiz dan pusat jagaan anak-anak yatim. Rezeki adalah kurniaan Allah dan ia perlu dikongsi dengan yang memerlukan. Syarikat turut menaja staf-staf mengerjakan umrah bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka," ujar beliau lagi. Sebagai seorang veteran ATM, beliau turut membuka peluang pekerjaan kepada pesara tentera yang berpengalaman. Menurut beliau, disiplin diri dan sifat taat setia bekas tentera adalah aset kepada syarikatnya.

Harapan kepada #NavyPeople

"Warga TLDM harus bekerja dengan penuh dedikasi, jujur, ikhlas, dan produktif dalam setiap tugas yang diamanahkan. Rebutlah peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan atau kemahiran dan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik untuk negara," ujarnya mengakhiri perbualan. •



Bengkel MRI di Semporna, Sabah



Insiden pelanggaran kapal USS Fitzgerald

Lautan dan Kelayaklayaran

Tahukah anda Laut China Selatan (LCS) mempunyai rekod kemalangan perkapalan tertinggi di dunia?


OLEH Lt Kdr Ir. Ts. Faiz Azmi bin Hj Sutarij TLDM

Menurut laporan 'Lloyd's List Intelligence Casualty Statistics 2009-2018', LCS, Indochina, Indonesia dan Filipina mencatatkan angka tertinggi di dunia iaitu 234 kes daripada keseluruhan 1,036 kes kemalangan 'total loss' (kapal karam atau kapal tidak ekonomi dibaiki).

Statistik sedekad ini juga menyaksikan perairan ini mencatatkan 2,348 kemalangan 'shipping casualty' (kapal atau peralatan gagal berfungsi akibat pelanggaran atau kerosakan) daripada keseluruhan 26,022 kemalangan di seluruh dunia. Mengapa perairan ini menjuarai carta kemalangan di laut? CNBC pada 7 Februari 2018 melaporkan 1/3 daripada aktiviti perdagangan maritim global berlaku di sini dengan nilai dagangan mencecah USD 5.3 trillion. Ini menjadikan perairan ini antara 'sea lines of communication' (SLOC) yang tersibuk di dunia.

Apakah yang menyumbang kepada kes kemalangan kapal? Laporan 'Lloyd's List Intelligence Casualty Statistics 2009-2018' mencatatkan kegagalan/kerosakan peralatan sebagai penyebab utama dengan 8,862 daripada 26,022 kes kemalangan. Ini diikuti dengan pelanggaran (collision) iaitu 3,648 daripada 26,022 kes kemalangan.

Statistik ini memberi gambaran terhadap tahap keselamatan sesebuah kapal yang belayar di lautan. Isu kelayaklayaran (seaworthiness) terus menjadi topik penting dalam aktiviti perkapalan sejak ratusan tahun dahulu. Menurut *Cambridge Dictionary* (online), 'seaworthiness' bermaksud 'the fact that a ship is in a good enough condition to travel safely on the sea'. Perkara kelayaklayaran ini telah termaktub dalam *Rhodian Sea Law*, undang-undang maritim di Mediterranean sekitar tahun 600 S.M. Undang-undang ini menyatakan pemilik kapal perlu menyediakan kru dan peralatan kapal yang mencukupi. Pada kurun ke 20, konteks kelayaklayaran telah berkembang dan



Laluan sibuk di Laut China Selatan



memfokus kepada tuntutan insuran akibat kemalangan di laut.

Marine Insurance Act 1904 menetapkan pemilik kapal perlu memastikan kapal dalam keadaan layak belayar (seaworthy). **Merchant Shipping Act 1995** turut menyatakan adalah satu kesalahan jenayah sekiranya mengoperasikan kapal yang tidak layak belayar (unseaworthy) di laut. Di Malaysia, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Akta Pengangkutan Kargo Melalui Laut 1950 (Akta 527) adalah antara undang-undang yang berkaitan.

Ahmad Hussam Kassem dalam thesis PhDnya 'The Legal Aspects of Seaworthiness: Current Law and Development' (Swansea University 2006), menyatakan kelayaklayaran terbahagi kepada tiga aspek iaitu:

Fizikal Kapal – Merangkumi badan kapal, peralatan dan sistem. Kesediaannya untuk menghadapi bahaya di laut yang mungkin dihadapi semasa pelayaran. Perkara yang perlu diambil kira adalah jenis kapal, keadaan

semasa kapal, jenis pelayaran, laluan yang akan dilaluinya, dan waktu di mana ia akan memulakan perjalanannya.

Manusia - Elemen kecauan. Professor Michael Barnett dari Southampton Institute, UK menyatakan 80-85% kemalangan di kapal adalah atas sebab kecauan manusia. Ketiadaan atau kekurangan kru kapal yang kompeten mengendalikan peralatan atau mengemudi kapal akan meningkatkan kebarangkalian kapal mengalami kemalangan.


Dokumen Rasmi - Kapal juga boleh dikategori sebagai 'unseaworthy' sekiranya tidak mempunyai dokumen lengkap. Tiga kategori dokumen penting iaitu dokumen navigasi (carta), dokumen peralatan dan sistem (plan kapal, manual dan prosedur operasi standard (SOP)) dan dokumen yang melibatkan pengisian, pemunggahan beban serta berkaitan kebenaran pelayaran.

TLDM bermula 2014 telah menubuhkan Sel *Directorate General Technical Seaworthiness (DGTS)* yang berperanan melaksanakan Audit Kelayaklayaran Teknikal ke atas kapal-kapalnya. Sel DGTS sedang membangunkan BRL 4272 *Technical Seaworthiness Manual*, manual garis panduan pengurusan kelayaklayaran dalam TLDM. Usaha ini dibuat bagi memastikan semua aset sentiasa bersedia untuk beroperasi di laut dengan selamat. •

Pada kurun ke 20, konteks kelayaklayaran telah berkembang dan memfokus kepada tuntutan insuran akibat kemalangan di laut.



Kecuaian mengundang bencana



OLEH Lt M Easter Dennis PSSTLDM
Jabatan Sejarah Tentera Laut PUSMAS TLDM

Bahagian 1

Laut China Selatan (LCS) ialah perairan yang berkeluasan kira-kira 3.5 juta km persegi yang kaya dengan pelbagai sumber dan khazanah. Kepulauan Spratly, Paracel dan Scarborough Shoal menjadi rebutan negara-negara pesisir LCS seperti China, Vietnam, Malaysia, Brunei dan Filipina. Pada abad ke-21 ini, isu pertikaian hak ke atas LCS dihangatkan lagi dengan tindakan provokasi China yang menuntut LCS berdasarkan faktor sejarah. Konflik ini telah mendorong para ilmuwan dan pakar perundangan untuk mengkaji sejarah dan mendalami undang-undang seperti yang termaktub dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - Undang-Undang Laut 1982 atau *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) bagi mencabar tuntutan China dari terus mendominasi perairan tersebut. Tindakan China ini turut ditafsirkan oleh ramai penganalisis geopolitik sebagai membuli dan menekan negara-negara kecil pesisir LCS yang lain.

Jika dilihat dari perspektif sejarah, tuntutan China ke atas LCS antaranya adalah berdasarkan buku yang diterbitkan semasa pemerintahan dinasti terdahulu di negara berkenaan. Antaranya ialah *Yiwu Zhi* (Record of Rarities) yang ditulis oleh Yang Fu daripada Dinasti Han Timur (23-230 Masihi) dan *Funan Zhuan* yang ditulis oleh Jeneral Kang Tai daripada Kerajaan Wu (220-280 Masihi) semasa zaman Tiga Kerajaan. Buku tersebut menerangkan tentang lokasi pulau-pulau kecil dan terumbu di Kepulauan Nansha (Kepulauan Spratly) di LCS. Hujah China disandarkan juga pada peta-peta yang diterbitkan semasa pemerintahan Dinasti Qing (1644-1911 Masihi) yang meletakkan Kepulauan Nansha

dalam wilayah China, antaranya ialah Peta Wilayah Qing tahun 1724 dan 1755. Berikutnya, tuntutan berasaskan sembilan garis putus bermula tahun 1947 apabila kerajaan China menerbitkan sebuah peta yang pada asalnya terdapat 11 garis putus di sekitar LCS. Pada tahun 1952, dua daripada 11 garis putus tersebut yang meliputi Teluk Tonkin dihapuskan sebagai tanda solidariti dengan Parti Komunis Vietnam. Litupan kawasan oleh garisan putus ini merangkumi hampir 80 peratus perairan LCS.


Selain China, Vietnam juga boleh mendakwa mempunyai hubungan sejarah awal di LCS melalui Kerajaan Champa yang wujud sekitar tahun 192 Masihi. Pada abad ke-6 hingga 15, kerajaan ini mencapai kemuncak zaman kegemilangan dan mempunyai pengaruh kuat dalam aktiviti perdagangan. Masyarakat kerajaan ini iaitu orang Melayu Cham amat aktif dalam bidang perdagangan sehingga LCS dikenali sebagai Laut Cham atau Laut Champa.

Antara bukti yang menunjukkan masyarakat kerajaan ini aktif dalam aktiviti perdagangan ialah penemuan sebuah bangkai kapal yang dijumpai di Kepulauan Palawan, Filipina. Kapal tersebut dipercayai berlepas dari Champa dengan membawa seramik buatan Kerajaan Champa Vijaya ke Filipina pada tahun 1450 hingga 1470. Namun begitu, kerajaan Champa mengalami kejatuhan setelah dikalahkan oleh Kerajaan Dai-Viet pada tahun 1832. Kerajaan Vietnam tidak menggunakan fakta sejarah tersebut sebagai hujah dalam tuntutan mereka disebabkan konflik dalam negara berkenaan. Sebaliknya, Vietnam hanya membuat tuntutan berdasarkan prinsip lanjutan pelantar benua dalam UNCLOS. •

Pemilikan Laut China Selatan: Perspektif Sejarah dan Undang-Undang

Tindakan China ini turut ditafsirkan oleh ramai penganalisis geopolitik sebagai membuli dan menekan negara-negara kecil pesisir LCS yang lain.

Candi Po Klong peninggalan Kerajaan Champa di Phan Rang, Ninh Thuan





Tema World Hydrography Day 2007-2020



OLEH Lt Kdr Ramli bin Mohd TLDM

Hari Hidrografi Sedunia atau *World Hydrography Day* (WHD) diraikan pada 21 Jun saban tahun, ia sebagai memperingati penubuhan Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa (IHO) pada 1921 yang ketika itu dikenali sebagai Biro Hidrografi Antarabangsa (IHB). Apa yang lebih menarik ialah, pengisytiharan WHD telah dibuat secara rasmi melalui satu resolusi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 29 Jun 2005. Secara langsung ini membuktikan profesion Juruukur Hidrografi adalah profesion yang diiktiraf oleh seluruh negara.

Sebelum kewujudan IHB, carta-carta nautika diterbitkan dalam pelbagai format dan bentuk, bergantung kepada negara yang menghasilkaninya. Keadaan ini telah menimbulkan ketidakseragaman bagi simbol-simbol dan kata singkat yang digunakan hingga menyukarkan komuniti maritim ketika itu. Idea mewujudkan sebuah kerjasama di kalangan komuniti hidrografi telah diketengahkan oleh ahli hidrografi Perancis, M. Joseph Renaud di persidangan Kongres Maritim Antarabangsa di St Petersburg, Rusia pada 1908, namun tidak mendapat sokongan.

Pada 24 Julai 1919, satu persidangan hidrografi telah diadakan di London dengan kehadiran 24 negara (dianggap sebagai persidangan hidrografi antarabangsa yang pertama). Antara perkara penting dibincangkan adalah

usul yang dikemukakan oleh Perancis berhubung dengan cadangan penubuhan sebuah biro khusus yang menjadi platform kolaborasi hidrografi antarabangsa. Kesinambungan persidangan itu, satu draf statut biro tersebut dibangunkan.

Pada 21 Jun 1921, IHB ditubuhkan secara rasminya dengan hanya dianggotai 18 negara iaitu Argentina, Belgium, Brazil, Empayar British (termasuk Australia dan New Zealand), Chile, China, Denmark, Perancis, Greece, Jepun, Monaco, Belanda, Norway, Peru, Portugal, Siam (Thailand), Sepanyol dan Sweden. Manakala Itali, Mesir dan Amerika Syarikat telah menganggotai IHB pada 1922. Monaco menjadi lokasi pusat IHB setelah Putera Albert I menawarkan pembinaan bangunan ibu pejabat baharu bagi biro antarabangsa itu. Hal ini kerana Putera Albert I ketika itu begitu obses dalam bidang hidrografi dan oseanografi. Baginda turut membuka sebuah museum oseanografi di Monaco. Pada 1970, nama IHO telah diperkenalkan mengambil kira keahliannya yang melangkaui segenap benua. Walau bagaimanapun, IHB masih dikekalkan sehingga kini sebagai badan yang menguruskan pentadbiran IHO.

Di negara kita, sebelum merdeka aktiviti pengukuran hidrografi dan penerbitan carta nautika dikendalikan oleh pihak British. Mulai 1964, kerajaan British telah beransur mengeluarkan asetnya dari tanah melayu atas faktor peningkatan kos operasi dan pengurangan. British sekaligus menyerahkan tanggungjawab pengukuran hidrografi dan pencartaan perairan kepada TLDM. Sejak mengambil alih sepenuhnya tugas hidrografi bermula tahun 1969, Cawangan Hidrografi TLDM ditubuhkan. Cawangan Hidrografi TLDM kemudiannya menerima mandat untuk tugas ini melalui Keputusan Jemaah Menteri 1972. Malaysia secara rasminya menganggotai IHO pada 1 Julai 1975, di mana Kdr Goh Siew Chong TLDM (mantan Ketua Pengarah Hidrografi pertama) telah dilantik sebagai wakil negara dalam persidangan IHO.

Saksikan video pendek sempena WHD terbitan PHN melalui pautan <https://www.youtube.com/watch?v=ZiUKrAN3rDQ>. Selamat WHDI! •

Hari Hidrografi Sedunia

Penubuhan Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa (IHO) pada 1921 yang ketika itu dikenali sebagai Biro Hidrografi Antarabangsa (IHB).





TLDM bantu usaha pemeliharaan hutan paya bakau

Lenyapnya Khazanah Maritim Manjung dengan Keputusan Hutan Paya Bakau

Sinonim sebagai Bandar Pelancongan dan Maritim, pesisiran pantai di Manjung terkenal dengan keindahan semulajadinya yang masih terpelihara dengan kepelbagaian ekosistem seperti pinggir hutan paya bakau. Hutan paya bakau adalah rantaian kekayaan sumber maritim, elemen penting bagi kelestarian sektor perikanan.

OLEH Nurul Asyikin Ibarhim

Menyelusuri pelantar di Taman Paya Bakau Manjung, pengunjung disambut meriah oleh kawanan monyet yang hidup berasimilasi dengan ekosistem paya bakau. Barisan pokok bakau serta bunyi cengkerik dan agas setia mengiringi langkah ke muara. Terdapat juga spesies ikan yang riang bermain gelongsor di atas gelapnya lumpur. Inilah keindahan semula jadi yang kian terpinggir oleh arus kemajuan teknologi. Ekosistem yang dahulunya mendominasi lebih daripada 75% kawasan muara dan paya yang berlumpur di sepanjang pesisiran pantai Malaysia, kian di ambang kepupusan yang serius.

Ekosistem hutan paya bakau di Manjung adalah kawasan yang masih terpelihara dengan habitat semula jadi paya bakau. Mengenali ciri morfologi pokok bakau, ia mempunyai batang yang lurus, berdaun oval yang tebal dan mempunyai bentuk akar yang unik menjadikan tumbuhan ini berupaya hidup subur di sepanjang pesisir pantai dan muara berlumpur yang dipergarui oleh arus pasang surut. Ia juga mempunyai toleransi yang baik terhadap kandungan oksigen yang rendah, tahap kemasinan air laut yang tinggi, serta berdiri teguh di atas tanah lembut yang berlumpur.

Merupakan suatu ekosistem yang berharga, sistem akarnya membolehkan pbagai spesies ikan menjadikan kawasan ini sebagai rumah kedua mereka. Ikan-ikan ini menjadikan kawasan hutan paya bakau sebagai tempat pembiakan dan perlindungan yang selamat. Menariknya, pbagai spesies ikan boleh ditemui

di dalam ekosistem ini termasuklah spesies ikan demersal yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Oleh itu, kewujudan ekosistem ini merupakan suatu elemen penting bagi sektor perikanan tempatan. Di daerah Manjung, industri perikanan adalah antara industri utama bagi masyarakat tempatan. Sekiranya ekosistem hutan paya bakau ditebus guna kepada guna tanah yang lain, keseluruhan populasi ikan dan industri perikanan di kawasan ini akan terancam kerana habitat semula jadi bagi pembiakan dan perlindungan spesies ikan telah pun lenyap.

Sungai Sitiawan turut dilimpahi dengan kawasan hutan paya bakau yang besar di Manjung. Nelayan memanfaatkan Sungai Sitiawan sebagai kawasan pendaratan ikan dan menjadi kawasan yang sangat popular di kalangan penduduk tempatan untuk mendapatkan hasil laut. Malahan para pelancong juga tidak melepaskan peluang untuk membawa pulang hasil laut segar daripada jeti pendaratan ikan di Sungai Sitiawan.

Oleh hal yang demikian, kelangsungan ekosistem hutan paya bakau amatlah mustahak untuk dipelihara memandangkan fungsi dan kepentingannya kepada keseimbangan alam mahupun sosioekonomi masyarakat tempatan. Pemeliharaan serta pemuliharaan yang berterusan, baik di pihak pemegang taruh mahupun masyarakat setempat, harus sejajar agar ekosistem ini dapat dimanfaatkan dengan mapan. •

Penulis adalah calon Doktor Falsafah dari Pusat Pengajian Sains Bumi & Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia.

OLEH Kol (Dr) Siti Nordiana binti Dollah

Semua pesakit mental dikatakan tidak waras dan memiliki lesen khas. Terdapat lebih 200 jenis penyakit mental dan hanya peratusan kecil (1%) sahaja yang mengganggu kewarasan. Antara penyakit mental utama dalam kalangan warga ATM adalah kemurungan dan keresahan melampau (anxiety).

Sains dan perubatan moden telah membuktikan sepertimana penyakit-penyakit lain, penyakit mental juga mempunyai bukti biologi yang jelas. Ketidakseimbangan neurotransmitter adalah punca gangguan fungsi otak yang menyebabkan perubahan pemikiran dan tingkah laku pesakit dan ini boleh dirawat dengan pengambilan ubatan. Namun masih ramai yang percaya bahawa penyakit mental adalah disebabkan perbuatan sihir atau mistik. Justeru, bomoh dan pengamal perubatan tradisional masih menjadi pilihan berbanding perubatan moden.

Terdapat banyak gejala penyakit mental yang kita perlu tahu. Ianya bukan terhad kepada gejala emosi dan tingkah laku sahaja tetapi gejala fizikal juga. Sebagai contoh, pesakit kemurungan dan anxiety kerap menunjukkan gejala fizikal seperti *reflux*, gastrik, masalah penghadaman, perut kembung dan meragam, sesak nafas, berdebar-debar (jantung laju), sakit kepala, kebas kaki atau tangan, sakit pinggang atau leher, sakit-sakit badan, kerap kecing, letih dan lesu, *tinntus* (telinga berdesing) dan lain-lain lagi.

Kerap kali pesakit ini dirujuk dan diperiksa oleh pelbagai pakar perubatan, pakar jantung, pakar saraf, pakar usus, pakar telinga, hidung dan tekak, pakar urologi dan lain-lain. Bukan sahaja pelbagai pemeriksaan dan siasatan dilakukan yang pastinya bernilai ribuan ringgit, malah diberi pelbagai ubatan yang pastinya tidak berkesan.

Tekanan perasaan, stress yang tidak ditangani secara berkesan, kemurungan, anxiety, masalah penyalahgunaan dadah, tragedi dan krisis hidup adalah antara punca utama masalah kesihatan mental dalam kalangan warga ATM. Selain itu, penggunaan gajet dan media sosial yang tidak terkawal juga turut menyumbang kepada masalah ini.

Kesihatan Mental: Ambil Tahu, Ambil Peduli!

Kesedaran terhadap penyakit mental dalam kalangan warga ATM adalah sangat rendah. Ungkapan "si gila" masih menjadi pilihan utama apabila ditanya perihal penyakit ini.

Gejala Tingkah Laku

- ➔ Gelisah
- ➔ Pelupa
- ➔ Tidak ambil kisah
- ➔ Tingkahlaku agresif
- ➔ Pengambilan bahan terlarang
- ➔ Peningkatan pengambilan rokok/vape atau alkohol



Gejala Emosi

Perasaan ingin mencederakan diri sendiri atau orang lain

Tidak fokus

Cepat melenting

Ketakutan yang melampau

Kerisauan yang melampau

Sedih yang berpanjangan



Gejala Fizikal

Gangguan tidur - kurang atau terlebih tidur

Letih dan lesu

Sangat bertenaga walaupun kurang tidur/rehat

Gangguan selera makan - kurang atau lebih



Stigma memperlihatkan penyakit mental sebagai sesuatu yang mengalban, merbahaya, berpunca dari kelemahan diri dan tidak boleh diubahi. Ramai pesakit enggan mendapatkan rawatan disebabkan malu dan merasakan mereka tidak sakit. Kebanyakannya memilih menderit dalam diam, tidak mahu berkongsi dengan keluarga atau rakan sehingga akhirnya tekanan sukar dikawal sehingga membawa kepada tindakan agresif atau mencederakan diri sendiri. Ramai yang masih menganggap krisis kesihatan mental boleh diatasi dengan hanya melawan emosi, kuatkan semangat atau tingkatkan amalan agama sahaja. Ada juga yang beranggapan mereka yang berjumpa pakar psikiatri adalah mengada-mengada dan cuba lari daripada tugas.

Peka terhadap perubahan emosi diri dan mereka yang rapat dengan kita adalah kunci pencegahan kepada penyakit mental yang lebih serius. Tindakan melabel, menghukum mereka sebagai golongan yang lemah, tiada pegangan agama serta kurang iman akan mengeruhkan lagi keadaan. Keadaan ini menyebabkan gangguan mental menjadi lebih parah sehingga cubaan membunuh diri menjadi pilihan pesakit di samping didorong oleh tekanan dan kemurungan yang serius.

Sikap ambil berat, empati dan kemahiran interpersonal yang bagus adalah asas kepada kesihatan mental yang baik. Ambil tahu dan ambil peduli tentang masalah yang dihadapi oleh anggota di bawah tanggungjawab. Berilah ruang untuk mendengar masalah serta menawarkan bantuan bagi mengurangkan beban emosi mereka.

Individu yang berada dalam krisis gangguan kesihatan mental tidak seharusnya dibiarkan. Ahli keluarga, rakan dan pasukan perlu memainkan peranan dan membawa mereka bertemu pakar psikiatri secepat mungkin. Mereka perlu dipandu dan diberi rawatan psikiatri bagi memulihkannya untuk menjalani kehidupan normal. •



Tumbukan bertenaiga menentang petinju Wales



Pingat emas (49 kg) Sukan Sea Kuala Lumpur 2017

Muhammad Fuad Buktikan Kemampuan

"Kecil-kecil dili padi" adalah peribahasa yang tepat untuk personaliti sukan tinju negara kelahiran Senawang, Negeri Sembilan. Walaupun menyedari sukan ini berisiko untuk cedera, Muhammad Fuad cukup yakin dengan kebolehan nya.

OLEH LK TNL Haslisa binti Hamed

Kepercayaan pengurusan tinju Negeri Sembilan memilih beliau dijadikan pemangkin semangat untuk memberi aksi yang terbaik dalam setiap kejohanan yang disertai, demi membalas jasa serta membuktikan yang keputusan mereka tidak silap. Dengan prestasi dan mutu disiplin cemerlang yang dipamerkan, ianya telah menarik minat TLDM untuk melamar beliau menyertai perkhidmatan dengan kepakaran Jurulatih Jasmani pada tanggal 19 Mei 2014.

Tahun 2005 adalah titik permulaan beliau sebagai petinju di bawah kelolaan Persatuan Tinju Negeri Sembilan. Pada Kejohanan Remaja Kebangsaan Muhammad Fuad berjaya membawa pulang pingat perak kategori 45 kg. Mewakili Negeri Sembilan ke Sukan Malaysia (SUKMA) 2008 kategori 49 kg, beliau berjaya memperolehi pingat gangsa. Walaupun masih muda, beliau ternyata sangat berpotensi sehingga dipilih untuk mewakili negeri. Pada usia 17 tahun, beliau berjaya mengalahkan petinju berpengalaman daripada pasukan ATM dalam kejohanan terbuka Piala Malaysia 2008, dan muncul sebagai petinju pertama berjaya membawa pulang tali pinggang Kejohanan Piala Malaysia apabila menjadi juara bertahan bagi kategori tersebut. Beliau juga telah dianugerahkan petinju terbaik Malaysia sebanyak empat kali berturut-turut serta telah dinobatkan sebagai petinju berpotensi pada kejohanan Agung Cup yang berlangsung di Kedah.

Langkah demi langkah disusun dengan kemunculan pertama beliau di pentas antarabangsa pada temasya Sukan Sea Laos 2009. Pada penampilan tersebut, beliau telah memberi saingan sengit kepada petinju-petinju berpengalaman dari Asia Tenggara dan berjaya menamatkan kejuaraan di peringkat suku akhir. Walaupun hanya sekadar di peringkat suku akhir, ianya sudah cukup membanggakan bagi seorang petinju baru dan hal ini menjadi titik tolak kejayaan beliau untuk terus mengukir nama pada temasya-temasya berikutnya.

Sepanjang penyertaan di Sukan Sea, beliau telah menyumbang satu pingat emas dan tiga pingat gangsa. Antara Sukan Sea yang pernah disertai



Tinju

Pada 2010, beliau telah melayakkan diri ke Sukan Komanwel New Delhi, India dan Sukan Asia Guangzhou, China. Pada usia yang masih muda, bukan mudah bagi beliau untuk menandingi petinju-petinju yang lebih senior dan berpengalaman.

adalah Laos 2009, Palembang 2011, Myanmar 2013, Singapura 2015, Kuala Lumpur 2017 dan Filipina 2019.

Pada 2010, beliau telah melayakkan diri ke Sukan Komanwel New Delhi, India dan Sukan Asia Guangzhou, China. Pada usia yang masih muda, bukan mudah bagi beliau untuk menandingi petinju-petinju yang lebih senior dan berpengalaman. Namun, berbekalkan iltizam dan semangat tidak mudah mengaku kalah serta sentiasa bersedia menghadapi cabaran, beliau mampu memberi persaingan

yang sengit kepada setiap lawan yang dihadapi. Walaupun terkandas di peringkat suku akhir, ianya sudah cukup untuk membuktikan bahawa beliau merupakan seorang petinju yang mempunyai potensi yang besar dan bakal menyinar suatu hari nanti.

Kini, sudah hampir 11 tahun beliau menabur bakti sebagai petinju negara. Pelbagai ujian dan cabaran yang telah harungi, tidak sedikitpun mematahkan semangat beliau dalam usaha memahatkan namanya sebaris dengan jagoan petinju yang lain. Prestasi beliau dalam sukan tinju masih sukar ditandingi. Beliau juga merupakan petinju paling lama bertahan di dalam skuad negara dan menyertai pelbagai peringkat kejohanan. Kecemerlangan Muhammad Fuad wajar dijadikan contoh dan inspirasi oleh #NavyPeople dalam memartabatkan

nama TLDM khususnya di arena sukan. •

Anugerah Dimenangi:

2010

Petinju Terbaik Piala Malaysia

2011

Petinju Terbaik Piala Malaysia

2013

Petinju Terbaik Piala Malaysia

2014

Petinju Berpotensi Agung Cup

2014

Petinju Terbaik Sukan Antara Perkhidmatan

2014

Anugerah Lambang Perak ATM

2018

Petinju Terbaik Sukan Antara Perkhidmatan

2017

Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang TLDM

2017

Olahragawan TLDM

Aksi di separuh akhir mengalahkan petinju Laos





Nur Suryani & Mohd Nur Taibi

Sukan Komanwel 2014 Glasgow, Scotland



Sarat mengandung bukan halangan untuk terus beraksi



Menembak Bawa Suryani ke Olimpik

Setiap kejayaan yang diimpikan memerlukan pengorbanan. Ianya hadir seiring dengan usaha dan semangat juang yang tinggi.

Pingat gangsa kategori individu Sukan Komanwel 2010 New Delhi India

OLEH LK TNL Hasilisa binti Hamed

Usia mudanya mungkin tidak sama seperti rakan-rakan yang lain namun demi memastikan namanya diukir sebaris dengan jagoan dunia, peluang yang hadir di depan mata sekali-kali tidak dipersiapkan. Mula memasuki perkhidmatan TLDM pada 25 November 2008 dan ditauliahkan pada 11 Julai 2009, nama Lt Nur Suryani binti Mohd Taibi TLDM sememangnya tidak asing lagi dalam arena sukan menembak tanah air dan antarabangsa.

Beliau mula bergiat aktif dalam sukan menembak seawal usia 15 tahun dengan menyertai Persatuan Menembak Perak pada 1997. Penglibatan pertama di peringkat negeri adalah di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor tahun 1998, beliau telah mula membuktikan kemampuannya dengan memperoleh pingat gangsa acara 50 Meter Rifle Prone Individu. Episod ini menjadi titik permulaan bagi karier beliau sebagai seorang atlet menembak kebangsaan. Bakat anak jati kelahiran Ipoh, Perak ini terus menyerlah apabila berjaya memecahkan rekod kebangsaan yang dipegang oleh Nurul Huda Baharin, sekaligus membawa pulang empat pingat emas pada SUKMA 2000 di Pulau Pinang.

Pada 2001, beliau dilamar oleh Majlis Sukan Negara (MSN) untuk menyertai skuad kebangsaan. Semenjak itu, beliau mula beraksi di pentas antarabangsa, di mana di Sukan Sea Kuala Lumpur 2001 beliau berjaya merangkul satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa. Sejak dari itu, kehadiran beliau makin digeruni oleh penembak-penembak dari negara jiran. Antara Sukan Sea yang pernah disertai beliau adalah Vietnam 2003, Thailand 2007, Laos 2009, Indonesia 2011, Myanmar 2013, Singapura 2015, Kuala Lumpur 2017 dan Filipina 2019.

Sepanjang penyertaannya di temasya Sukan Sea, beliau telah berjaya menyumbang enam pingat emas, tujuh pingat perak dan lima pingat gangsa kepada negara. Pada 2010, beliau telah bertanding



Kemunculannya di Kejohanan Menembak Asia 2011 Doha, Qatar, itu juga turut mencuri perhatian dunia apabila beliau beraksi dalam keadaan sarat mengandung (8 bulan) anak pertama hasil perkongsian hidup bersama suaminya Marhazli bin Mhotar.



Pingat emas acara 10 Meter Air Rifle berpasangan Sukan Komanwel 2010 New Delhi, India

di dalam Sukan Komanwel di New Delhi, India dan berjaya menyumbang satu pingat emas bagi acara 10 Meter Air Rifle berpasangan serta satu pingat gangsa bagi kategori individu. Manakala di Sukan Asia di Guangzhou, China pada tahun yang sama, beliau telah melakar sejarah apabila memenangi pingat gangsa bagi kategori individu, sekaligus menamatkan kemarau pingat selama 24 tahun bagi pasukan menembak negara dalam kejohanan itu.

Beliau sekali lagi mendapat perhatian negara apabila melayakkan diri ke Sukan Olimpik London 2012 secara merit, setelah cemerlang di Kejohanan Menembak Asia 2011 Doha, Qatar, sekaligus diiktiraf oleh Malaysia *Book Of Records* sebagai penembak wanita pertama layak ke Sukan Olimpik. Kemunculannya di temasya itu juga turut mencuri perhatian dunia apabila beliau beraksi dalam keadaan sarat mengandung (8 bulan) anak pertama hasil perkongsian hidup bersama suaminya Marhazli bin Mhotar.

Sepanjang hampir 23 tahun menabur bakti, pelbagai ujian dan cabaran telah ditempuhi namun sedikit pun tidak mematahkan semangat beliau dalam usaha memahatkan namanya sebaris dengan jagoan dunia. Pencapaian beliau dalam sukan menembak masih kekal pada tahap terbaik dan sukar dicabar. Malah, tidak keterlaluan jika Nur Suryani dianggap sebagai penembak paling berjaya dalam sejarah negara dan tidak hairanlah ibu kepada dua cahaya mata ini terus menjadi idola kepada penembak remaja di seluruh negara sehingga ke hari ini. Kececalan dan semangat juang yang dipamerkan oleh Nur Suryani wajar dijadikan contoh dan sumber inspirasi kepada para atlet TLDM untuk melakar kejayaan dalam sukan masing-masing. •

Anugerah Dimenangi:

Olahragawati UiTM **2002, 2003**
 Olahragawati MAKSUM **2002**
 Anugerah KPT **2007**
 Olahragawati TLDM **2008**
 Olahragawati TLDM **2009**
 Olahragawati TLDM **2010**
 Olahragawati TLDM **2011**
 Anugerah APC TLDM **2011**
 Olahragawati TLDM **2012**
 Olahragawati TLDM **2014**
 Olahragawati ATM **2009**
 Olahragawati ATM **2010**
 Olahragawati ATM **2011**
 Olahragawati ATM **2012**
 Olahragawati ATM **2014**
 Malaysia Book Of Record **2010**
 Malaysia Book Of Record **2012**
 Anugerah Khas Wanita MAKSAM **2010**
 Anugerah SAM OLYMPIAN **2011**
 (Majlis Olimpik Malaysia)
 Anugerah Khas OLYMPIAN MAKSAM **2012**

Anugerah dan Pingat Kebesaran Yang Diterima

Darjah Kehaulwaan Angkatan Tentera

(DYMM Al Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibtai Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktad Billah Shah Al-Haj).

Pingat Jasa Dan Kebaktian

(Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibtai Almarhum Sultan Yusuff Izzudin Shah Ghafarullah).

Pingat Pekerti Terpuji

(Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibtai Almarhum Sultan Yusuff Izzudin Shah Ghafarullah).



Meraikan kemenangan di Temasya Sukan Sea 2011 Palembang Indonesia

Memperkasakan Teknisyen TLDM

OLEH Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

TLDM sentiasa memperkasakan para teknisyennya agar menjadi penyumbang kepada pembangunan industri tempatan setelah mereka bersara kelak. Ketika ini, usaha untuk mengiktirafkan mereka yang layak sebagai *Certified Technician* sedang dirangka. Inisiatif pertama akan dilaksanakan pada 2021 dimana seramai 50 Teknisyen dijangka akan mengikuti proses pengiktirafan, yang tidak melibatkan kos kewangan yang tinggi kepada TLDM.

Sebelum ini, TLDM telah melaksanakan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi melatih teknisyen mencapai kompetensi yang dikehendaki berpandukan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Di akhir program, mereka akan memperoleh SKM Tahap 3. Selain itu, Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu yang dikenali sebagai *Program Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL)* turut dilaksanakan bagi maksud yang sama, dimana di akhir program ini teknisyen akan memperoleh Diploma Kemahiran Malaysia yang diiktiraf diperingkat kebangsaan.

TLDM sentiasa prihatin dalam mewujudkan pelbagai program yang memberi *Return of Investment (ROI)* yang baik untuk warganya. *#NavyPeople* disaranakan mengambil peluang ini untuk terus memperingkatkan diri masing-masing demi kecemerlangan TLDM. •



Ketua Jurutera TLDM bersama Ts. Mohd Nazrol bin Marzuke, Pendaftar dan Ketua Eksekutif MBOT (Malaysia Board of Technologist)



Upacara merandatangani dokumen penyerahan bangunan



Laksamana Wanita Pertama Pecah Tradisi

OLEH BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

FOTO LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad

18 Disember 2020 - Nama Laksamana Pertama Rohana binti Jupri kini diabadikan dalam lembaran sejarah TLDM sebagai pegawai wanita yang pertama maju sehingga ke pangkat Laksamana Pertama.

Laksa Rohana kini bertugas sebagai Pengarah Kanan Materiel di Markas Tentera Laut. Beliau yang berasal dari Tanjung Karang, Selangor telah menyertai TLDM pada 20 Disember 1984, dan ditauliahkan sebagai Lt Muda TLDM Cawangan Bekalan dan Urusetia pada 6 Disember 1986. Kenaikan pangkat beliau membuktikan kebolehan wanita sentiasa diiktiraf oleh TLDM. •



Laksma Rohana binti Jupri



Penyerahan Bangunan KD SRI MEDINI kepada Kem 7 Briged Infantri

OLEH Cawangan Komunikasi Strategik Mk SIMPANAN

JOHOR BAHRU, 11 Disember 2020 - Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM (Mk SIMPANAN) telah menyerahkan secara rasmi bangunan KD SRI MEDINI kepada Markas Ke-7 Briged Infantri, dalam majlis ringkas tetapi bersejarah.

KD SRI MEDINI telah ditubuhkan pada 20 Julai 1967 sebagai unit Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan berfungsi sebagai Garison Wilayah Selatan. Setelah bertapak sejak 1971 di Kem Tebrau, bangunan ini dikembalikan kepada Tentera Darat apabila KD SRI MEDINI berpindah ke Mk SIMPANAN di Sungai Lunchoo yang mula beroperasi pada 31 Mac 2020.

Majlis bersejarah ini disempurnakan oleh Panglima Pasukan Simpanan, Laksamana Pertama Zainul Rashid bin Abdullah dan Panglima 7 Briged, Brigedier Jeneral Mohamed Fauzi bin Kamis. Turut hadir menyaksikan adalah Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim serta Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, Laksamana Muda Dato' Zulhelmy bin Ithnain. •

TLDM Buka Ruang Pelajar UTM Jalani Latihan Industri

OLEH Kdr Mohd Khairul Anuar bin Mohd Tahir TLDM

FOTO Lt Kdr Mohd Sharin bin Saroni TLDM

Seramai 20 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selesai menjalani Latihan Industri (LI) di beberapa unit di Pangkalan TLDM bermula 20 Julai 2020. Tujuan LI adalah mendedahkan pelajar kejuruteraan dengan elemen *applied engineering* yang terdapat di industri masa kini. Ini adalah kali kedua UTM menghantar pelajarannya menjalani LI selama 3 bulan di unit-unit TLDM.

Program sebegini adalah indikator positif bagi TLDM sebagai organisasi yang mendokong bidang pendidikan negara melalui penyediaan platform latihan dan bengkel yang sesuai kepada pelajar universiti bagi menyiapkan mereka untuk melangkah ke alam pekerjaan kelak. •



Kolaborasi antara TLDM dan UTM





Menteri Hal Ehwal Agama Sampaikan Musaadah Covid-19

OLEH Lt Muhammad Shafie bin Razi TLDM

Lumut, 13 September 2020 - Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut dan warganya telah menerima kunjungan YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri sempena Majlis Penyampaian Musaadah Covid-19. Seramai 250 #NavyPeople telah menerima sumbangan yang diuruskan YAPEIM. Senator Datuk Dr. Zulkifli turut menyumbangkan 250 naskah buku bertajuk "Nilah Doaku" karangan beliau. ●



Lawatan ke PUSPEN Jelebu Menginsafkan



Klien PUSPEN berkongsi kisah



OLEH Lt Ahmad Musilihin bin Mohamad Umbaidah TLDM

FOTO PW I KOM Shaplin bin Dolmat

Jelebu, 8 Oktober 2020 - Seramai 29 #NavyPeople telah menyertai lawatan ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Jelebu, Negeri Sembilan anjuran Bahagian Provos Tentera Laut (PROTELA) Markas Tentera Laut yang diketuai oleh Kept Farizan bin Hussain TLDM, Marsyal Provos Tentera Laut. Lawatan ini adalah antara program di bawah Pelan Tindakan Antidadah melibatkan Jawatankuasa Kecil Antidadah (JKKAD) peringkat Markas Tentera Laut.

Ketibaan rombongan telah disambut Puan Hajjah Norazlin binti Harun, Timbalan Pengarah PUSPEN Jelebu dan diberikan taklimat keselamatan dan

penerangan tentang tugas-tugas utama PUSPEN oleh En Dafee bin Mohd Zainal, Penolong Pegawai Antidadah.

Tujuan lawatan ini adalah untuk menambah pengetahuan peserta mengenai penyalahgunaan dadah dan kaedah pemulihan yang digunakan. Peserta turut mendengar perkongsian pengalaman dan melihat perusahaan membuat kek serta pastri berasaskan buah nenas oleh klien PUSPEN.

Lawatan ini amat memberi manfaat dan keinsafan tentang bahayanya penyalahgunaan dadah. ●



Helikopter WASP HAS MK1



Pro-Naib Canselor UTM dan Panglima Udara TLDM

UTM Serah Kembali Helikopter WASP HAS MK1

OLEH BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

23 Julai 2020 - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur telah memulangkan kembali dua buah helikopter jenis WASP kepada TLDM dalam satu majlis ringkas. Penyerahan helikopter telah disempurnakan oleh Pro-Naib Canselor UTM, Professor Dr. Shamsul bin Sahibuddin kepada Panglima Udara TLDM, Laksamana Pertama Sazalee bin Shoib.

Helikopter jenis WASP ini telah digunakan oleh Fakulti Kejuruteraan sebagai bahan bantuan mengajar untuk jurusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal Aeronautik sehingga program tersebut ditamatkan.

Bagi sirih pulang ke gagang, kedua buah helikopter ini dibawa pulang ke Pangkalan TLDM Lumut dan akan dipamerkan kelak di muzium TLDM sebagai artifak sejarah.

Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut Selesai Naik Taraf



OLEH Lt Muhammad Shafie bin Razi TLDM

Lumut, 17 Julai 2020 - Perisytiharan Solat Jumaat di Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut telah disempurnakan oleh Sahibus Saadah Dato' Hj As'ad bin Awang, Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, yang juga merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

Masjid An-Nur telah menjalani proses baik pulih dan naik taraf menyeluruh sejak Disember 2016. Penambahan pada ruang solat di tingkat atas masjid, meningkatkan kapasitinya kepada 3500 jemaah. Beberapa kemudahan sokongan baharu turut dibina iaitu bilik kaunseling, perpustakaan, ruang rehat imam dan bilal, bilik mesyuarat, ruang pameran serta bangunan dapur. *



OLEH BM TLR Suhairi bin Mohamed Ali

Sickbay

Bilik khusus untuk merawat atau menempatkan anak kapal yang kurang sihat.



Rat Guard

Logam lembaran bulat yang dipasang pada tali kapal untuk menghalang tikus dari memasuki kapal.



Istilah Tentera Laut



Avast

Berhenti.

Passageway

Laluan yang menghubungkan satu bahagian dengan bahagian yang lain di dalam kapal.



#SediaBerkorban

#WeAreOutThere

#KitaJagaKita



Pusat Strategi Maritim dan Sejarah TLDM
(RMN Sea Power Centre)

Laksa Betong

Si Perantau



OLEH BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

FOTO BM PAP An Nur Ehsan @ Zahrir bin Almonsani

Sebut sahaja laksa, pasti terbayang keenakan mee laksa yang dihidang bersama kuah rebusan ikan. Keenakan Laksa Betong Si Perantau adalah antara menu kegemaran warga KD PERANTAU. Menu yang ringkas tetapi enak ini biasa dijadikan hidangan *supper* (makan lewat malam) selain dijadikan hidangan untuk tetamu. Laksa Betong Si Perantau diilhamkan oleh LK I BDI Muhammad Zulizdiyar bin Zakaria selaku Ketua Tukang Masak (COG) kapal.

Resipi

Bahan-bahan:

Laksa halus
Kacang panjang
Timun
Tauge
Pucuk janggus/putat
Bawang besar
Cili padi/cabai burung
(Lain-lain ulam pilihan)

Bahan-bahan Kuah:

Isi dan tulang ikan sardin/ikan selayang*
4 bawang besar*
1 bawang putih*
1 inci halia*
1 inci lengkuas*
1 inci kunyit hidup*
Sedikit cili padi/cabai burung*
10 tangkai cili kering*
2 sudu belacan*
½ kg santan
Asam keping
2 batang serai
Serbuk Pati Ayam/Ikan Bilis
2 kuntum bunga kantan

Cara Penyediaan

1. Rebuskan ikan sardin/selayang sehingga lembut, biarkan sejuk dan asingkan isinya daripada tulang.
2. Kisarkan bahan-bahan yang bertanda (*).
3. Panaskan minyak di dalam periuk dan tumis bahan-bahan yang dikisar tadi hingga pecah minyak.
4. Kemudian masukkan air rebusan ikan dan tambah air secukupnya.
5. Masukkan isi ikan yang dikisar dan tunggu sehingga mendidih.
6. Masukkan bunga kantan, santan, asam keping dan serai yang telah diketuk.
7. Kacau perlahan-lahan sehingga kuah mendidih.
8. Akhir sekali, masukkan serbuk pati ayam/ikan bilis, kacau hingga sebatih dan biarkan selama 5 minit.
9. Kuah laksa siap untuk dihidang bersama laksa yang telah direndam/direbus lembut. •



MRI

MALAYSIA

YOUR CORPORATE PARTNER IN MARITIME
SYSTEMS AND PROJECT MANAGEMENT



MRI TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD. (Company No. 489224-T)

No. 11C, Jalan Suarasa 8/5, Bandar Tun Hussein Onn, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Phone: +603-9081 9885 Fax: +603-9082 9885 Website: www.mri-tech.com.my

Lumut

Mersing

Sg. Udang

Kudat

Semporna

Sandakan


Tawau

Kuching

Miri

Bintulu





SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your *Thinking* Company

System Consultancy Group of Companies:



SCS Engineering Services Sdn Bhd
(394181-H)

Specializing in MRO ecosystem that
transform from product to
service centric organization



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

No. 36 Jln Wangsa Delima 8 Pusat Bandar Wangsa Maja (KLSC) 53300 Kuala Lumpur

Tel: +603 4149 1918 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my

www.scs.my